



APPGM-SDG
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAAN



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen

Zon Utara

P.053 Balik Pulau

Laporan Disediakan Oleh: Siti Noraiysah bt Rohim



Laporan Pemetaan Isu Parlimen P.053 Balik Pulau

Disediakan oleh:
Siti Noraiysah Rohim



KATA ALUAN II

KATA PENGANTAR IV

PENGENALAN VI

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU 2 - 14

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN 19 - 25

- 1.1 Geografi/Topografi 19
- 1.2 Komposisi Penduduk 20
- 1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 20
- 1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 22

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN 25 - 29

- 2.1 Pendekatan Kajian 25
- 2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 27
- 2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 28
- 2.4 Keterbatasan Kajian 28

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG 30 - 41

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU 42 - 121

- 4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 42
- 4.2 Pengutamaan Isu 114

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK 122- 124
PENYELESAIAN

6.0 RUJUKAN 125

P.053 BALIK PULAU

KATA ALUAN

YBHG. TUAN RUSHDAN RUSMI
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Padang Besar (P.001)



Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, 'Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen' bagi jilid Zon Utara tahun 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Bagi pihak Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, saya ingin menyampaikan kata aluan ini sebagai tanda komitmen bersama dalam memperkukuh agenda pembangunan mampan di Malaysia. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) adalah kerangka penting yang menjadi panduan kepada pembangunan yang seimbang merangkumi dimensi ekonomi, sosial, alam sekitar dan tadbir urus dilaksanakan di negara ini. Pelaksanaan APPGM-SDG telah membentuk pentas bagi komuniti akar umbi untuk menyuarakan cabaran, keperluan, serta aspirasi mereka agar ia dapat dijadikan asas dalam merangka dasar dan inisiatif pembangunan yang lebih berkesan. Zon Utara, kawasan Padang Besar sebagai contohnya, bukan sekadar titik geografi di pinggir sempadan tetapi mencerminkan realiti kompleks sempadan moden di mana cabaran keselamatan, ekonomi dan sosial terjalin rapat. Pendekatan holistik dan jangka panjang yang merangkumi aspek pembangunan, integrasi agensi dan pengurusan risiko merentas sempadan diperlukan bagi menjamin kesejahteraan masyarakat setempat.

Isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat di kawasan Zon Utara menuntut perhatian segera dan penyelesaian yang menyeluruh. Justeru, laporan pemetaan isu yang diterbitkan pada tahun ini hadir sebagai satu dokumen penting yang menggabungkan suara rakyat dengan analisis data. Sebagai hasil kerjasama erat antara Ahli-ahli Parlimen, komuniti, pemimpin tempatan, agensi kerajaan dan pihak swasta, laporan ini tidak hanya

mengenal pasti cabaran tetapi juga menawarkan cadangan tindakan yang berdaya tahan. Saya percaya ia akan menjadi rujukan utama dalam membina pembangunan yang lebih adil dan saksama.

Setulus penghargaan saya tujukan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dalam penyediaan laporan ini, termasuk Sekretariat APPGM-SDG, Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat akar umbi. Laporan ini bukan sahaja mencatatkan cabaran yang dihadapi, tetapi turut menampilkan cadangan penyelesaian yang praktikal untuk dilaksanakan. Semoga penerbitan ini menjadi titik tolak kepada usaha berterusan dalam membina kerjasama strategik antara pelbagai pihak, sekali gus memperkukuh asas pembangunan negara yang inklusif, seimbang dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

YB Rushdan Rusmi

Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG

Ahli Parlimen Padang Besar

KATA PENGANTAR

JAMES RYAN RAJ

*Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif,
APPGM SDG*



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihimpunkan dalam jilid "Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen". Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan.

Jadual 1. Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	5
Jilid 2	Zon Pantai Timur	4	2
Jilid 3	Zon Tengah	3	3
Jilid 4	Zon Selatan	6	4
Jilid 5	Wilayah Sabah	4	2
Jilid 6	Wilayah Sarawak	2	2
JUMLAH KESELURUHAN		28	

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuk lah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting utama siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiysah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Binti Mohd Yasin, Tariq Ziad bin Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir, Kezia Sim Kui Ting dan Arif Azhad Abdul Ghaffar serta Afiqah Abdul Malik dari Pejabat Ketua Sekretariat atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENGENALAN

DR. THANARAJ MURUDI
Ketua Zon Utara, APPGM-SDG



Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkukuh gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).



Rajah 1. 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025

Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejituan bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan. Bahagian 5 menyenaraikan pengenalpastian awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta

cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program pelaksanaan yang realistik dan terukur.

Pemetaan Isu di Zon Utara

Zon Utara yang meliputi Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak mempunyai kekuatan geografi dan ekonomi yang pelbagai, termasuk sawah padi di Kedah dan Perlis, sektor perikanan di Kuala Kedah dan Lumut, pelancongan di Pulau Pinang serta pertanian dan kuari di Perak. Untuk tahun 2025, sebanyak sembilan (9) parlimen telah terpilih bagi pemetaan isu di zon utara, iaitu di Perak: Gopeng, Teluk Intan, Lumut, Larut, dan Padang Rengas; di Kedah: Padang Terap, Kuala Kedah, dan Kulim Bandar Baharu; serta di Pulau Pinang: Balik Pulau. Parlimen-parlimen ini memperlihatkan corak isu yang berulang, terutama dalam aspek sosial, ekonomi, infrastruktur asas, alam sekitar dan tadbir urus, yang perlu dianalisis secara kolektif untuk memahami pola pembangunan di zon ini.

Secara positif, zon utara mempunyai tenaga kerja belia yang besar, kepelbagaian sumber ekonomi, dan nilai komuniti yang masih kuat. Terdapat usaha aktif oleh komuniti setempat di Gopeng dan Balik Pulau untuk mengembangkan perusahaan kecil dan makanan tradisi, selain inisiatif pelancongan komuniti yang muncul di Larut dan Kuala Kedah. Potensi pengembangan sektor pelancongan juga tinggi, misalnya ekopelancongan di Lumut dan agro-pelancongan sawah padi di Kedah. Dari sudut tadbir urus, terdapat sokongan agensi di beberapa parlimen seperti Teluk Intan dan Kulim Bandar Baharu dalam memberi latihan dan bantuan asas kepada usahawan mikro.

Namun begitu, isu sosial seperti penagihan dadah yang ketara di Padang Terap, Lumut dan Larut mengancam masa depan belia, selain gejala judi dan lumba haram yang turut disebut di Kuala Kedah. Kos sara hidup tinggi dan peluang pekerjaan terhad menjadi aduan berulang di Teluk Intan, Gopeng, Balik Pulau dan Kulim Bandar Baharu, sehingga mendorong penghijrahan belia ke bandar besar. Infrastruktur asas yang lemah masalah bekalan air di Larut dan Kulim Bandar Baharu, ketiadaan lampu jalan di Kuala Kedah, jambatan rosak di Teluk Intan, serta kekurangan doktor pakar di Hospital Selama terus menjejaskan kesejahteraan masyarakat. Di samping itu, ancaman banjir berulang di Kuala Kedah dan Kulim Bandar Baharu, pencemaran sungai akibat kuari di Gopeng, serta hakisan tebing pesisir di Perak menimbulkan risiko jangka panjang kepada kelangsungan ekosistem dan ekonomi tempatan.

Keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan zon utara mempunyai potensi besar dari segi pertanian, pelancongan dan keusahawanan komuniti, tetapi masih berdepan cabaran struktural yang perlu ditangani secara bersepadu. Intervensi yang menggabungkan

pembangunan ekonomi mapan, penyelesaian isu sosial belia, peningkatan infrastruktur asas dan pengurusan alam sekitar yang lestari akan memperkukuh daya tahan komuniti, mengurangkan jurang bandar-luar bandar, serta menjadikan zon utara lebih inklusif dan seimbang dalam pembangunan.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1	Tengah	Sabak Bernam	P092	YB Tuan Kalam bin Salan	PN-BERSATU	Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Sabak Bernam	Nur Syadhira Mohd Razali
2	Tengah	Hulu Selangor	P094	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun	PN-PAS	PDT Hulu Selangor	Nuha Mysara Mohd Hisam
3	Tengah	Seputeh	P121	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	PH-DAP	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Nurul Syaza Mazelan
4	Utara	Padang Terap	P007	YB Tuan Nurul Amin bin Hamid	PN-PAS	PDT Padang Terap	Nurul Syaza Mazelan
5	Utara	Kuala Kedah	P010	YB Dr. Ahmad Fakhruddin	PN-PAS	PDT Kota Setar	Dr Thanaraj Murudi
6	Utara	Balik Pulau	P053	YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik	PH-PKR	PDT Barat Daya	Siti Noraiysah Rohim
7	Utara	Larut	P059	YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin	PN-BERSATU	PDT Selama	Dr Thanaraj Murudi
8	Utara	Kulim-Bandar Baharu	P018	YB Tuan Roslan bin Hashim	PN-BERSATU	PDT Kulim & PDT Bandar Baharu	Dr Thanaraj Murudi
9	Utara	Padang Rengas	P060	YB Kapten Azahari bin Hasan	PN-BERSATU	PDT Kuala Kangsar	Dr Teo Lee Ken
10	Utara	Gopeng	P064	YB Tuan Tan Kar Hing	PH-PKR	PDT Kampar	Lydia Ann Anak Bill

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
11	Utara	Lumut	P073	YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail	PN-BERSATU	PDT Manjung	Dr Thanaraj Murudi
12	Utara	Teluk Intan	P076	YB Tuan Nga Kor Ming	PH-DAP	PDT Hilir Perak	Nurul Syaza Mazelan
13	Selatan	Jempol	P126	Dato' Haji Shamsulkahar Bin Haji Mohd Deli	BN-UMNO	PDT Jempol	Tariq Ziad bin Abdul Razak
14	Selatan	Jasin	P139	YB Tuan Zulkifli bin Ismail	PN-PAS	PDT Jasin	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
15	Selatan	Segamat	P140	YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj	PH-PKR	PDT Segamat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
16	Selatan	Sri Gading	P149	YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan	PH-AMANAHAH	PDT Batu Pahat	Dr Teo Lee Ken
17	Selatan	Batu Pahat	P150	YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar	PH-PKR	PDT Batu Pahat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
18	Selatan	Pulai	P161	YB Tuan Suhaizan bin Kaiat	PH-AMANAHAH	Pejabat Daerah Johor Bahru	Siti Noraiysah Rohim
19	Timur	Maran	P089	YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib	PN-PAS	PDT Maran	Siti Noraiysah Rohim
20	Timur	Kota Bharu	P020	YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan	PN-PAS	Pejabat Tanah & Jajahan (PTJ) Kota Bharu	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
21	Timur	Pasir Puteh	P023	YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh	PN-PAS	PTJ Pasir Puteh	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
22	Timur	Besut	P033	YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh	PN-PAS	PDT Besut	Siti Noraiysah Rohim
23	Sabah	Tuaran	P170	YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau	PH-UPKO	Pejabat Daerah Tuaran	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
24	Sabah	Putatan	P173	YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya	BN-UMNO	Pejabat Daerah Putatan	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
25	Sabah	Semporna	P189	YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal	WARISAN	Pejabat Daerah Semporna	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
26	Sabah	Labuan	P166	Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman	BEBAS	Perbadanan Labuan (Labuan Corporation)	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
27	Sarawak	Stampin	P196	YB Tuan Chong Chieng Jen	PH-DAP	Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran Kuching Selatan (MBKS)	Raine Melissa Riman
28	Sarawak	Lubok Antu	P203	YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi	GPS-PRS	Pejabat Daerah Lubok Antu	Raine Melissa Riman

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P.053 Balik Pulau

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN BALIK PULAU, YB DATO' MUHAMMAD BAKHTIAR WAN CHIK



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

22 Feb - 24 Feb 2025
(Sabtu - Isnin)

HARI 1

1. FGD 1: Komuniti Penternak
2. Lawatan Tapak 1: Kolam Ternakan Ikan Keli, Kampung Bagan Air Hitam
3. Lawatan Tapak 2: Kawasan Ternakan di Kampung Sungai Burung
4. Lawatan Tapak 3: Penglibatan Warga Asing dalam Pertanian dan Penternakan
5. FGD 2: Komuniti Nelayan Pantai
6. FGD 3: Komuniti Belia

HARI 3

14. Lawatan Tapak 7: Chin Hwa Chinese Primary School
15. FGD 8: Komuniti Warga Emas

HARI 2

7. Lawatan Tapak 4: Bagan Teluk Kumbar
8. FGD 4: Komuniti Petani Balik Pulau
9. FGD 5: Komuniti Usahawan
10. Lawatan Tapak 5: Peladang Outlet PPK Sri Pulau
11. FGD 6: Komuniti Pelancongan
12. Lawatan Tapak 6: Audi Dream Farm
13. FGD 7: Komuniti Sukarelawan Wanita

16. FGD 9: Komuniti Orang Kurang Upaya
17. Lawatan Tapak 8: Kampung Perlis

PASUKAN PENYELIDIK



SITI NORAIYSAH ROHIM

(Ketua Penyelidik)



**PROF. DATUK DR.
DENISON JAYASOORIA**



ZOEL NG



**DARSHINI
RAWICHANDRAN**



**PRATHINA
SARAVANAMUTHU**



13 Januari 2025
Mesyuarat Awal



27 Januari 2025
Mesyuarat Pemprofilan



27 Januari 2025
Mesyuarat Pra-lawatan



22 Februari 2025
Lawatan Tapak 2: Kawasan Ternakan di Kg. Sungai Burung



22 Februari 2025
Lawatan Tapak 1: Kolam Ternakan Ikan Keli, Kg. Bagan Air Hitam



22 Februari 2025
FGD 1: Komuniti Penternak



22 Februari 2025
Lawatan Tapak 3: Penglibatan Warga Asing dalam Pertanian dan Penternakan



22 Februari 2025
FGD 2: Komuniti Nelayan Pantai



22 Februari 2025
FGD 3: Komuniti Belia



23 Februari 2025
FGD 5: Komuniti Usahawan



23 Februari 2025
FGD 4: Komuniti Petani Balik Pulau



23 Februari 2025
Lawatan tapak 4: Bagan Teluk Kumbar



13
23 Februari 2025
Lawatan tapak 5:
Peladang Outlet PPK Sri Pulau



14
23 Februari 2025
FGD 6: Komuniti Pelancongan



15
23 Februari 2025
Lawatan Tapak 6: Audi Dream Farm



18
24 Februari 2025
FGD 8: Komuniti Warga Emas



17
24 Februari 2025
Lawatan Tapak 7:
Chin Hwa Chinese Primary School



16
23 Februari 2025
FGD 7: Komuniti Sukarelawan Wanita



19
24 Februari 2025
FGD 9: Komuniti Orang Kurang Upaya



20
24 Februari 2025
Lawatan Tapak 8: Kampung Perlis



13 JANUARI 2025 - MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat Awalan bagi Parlimen Balik Pulau bersama Ahli Parlimen, YB Dato' Muhammad Bakhtiar Wan Chik di Mycreative Ventures, Surian Tower. Sesi ini dihadiri oleh Nurul Syaza dan Siti Noraiysah. Bagi Parlimen Balik Pulau, YB Dato' Muhammad Bakhtiar Wan Chik bersetuju untuk tarikh lawatan tapak adalah pada 22 - 24 Februari 2025.

27 JANUARI 2025 - MESYUARAT PEMPROFILAN

Sesi mesyuarat pemprofilan bersama pegawai-pegawai YB Parlimen Balik Pulau telah diadakan di Pusat Khidmat Parlimen Balik Pulau. Sesi ini bertujuan untuk mendapatkan profil parlimen dan mengenal pasti isu-isu semasa di kawasan parlimen tersebut. Aturcara tentatif bagi lawatan tapak (*site visit*) juga telah dibincangkan yang akan diadakan pada 22 - 24 Februari 2025 nanti.



27 JANUARI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN

Dr. Teo Lee Ken, Dr. Thanaraj Murudi, Siti Noraiysah dan Darshini Rawichandran telah menghadiri satu mesyuarat bersama Pegawai Daerah, Tn. Hafiz Aswad di Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya. Sesi ini turut dihadiri oleh Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Masyarakat), Pn. Fariza dan 4 penghulu. Beberapa isu setempat yang berkaitan dengan ekonomi, sosial, dan alam sekitar telah diketengahkan sepanjang sesi mesyuarat ini. Tn. Pegawai Daerah turut bersetuju untuk mengadakan *Inter-Agensi* pada 4 Mac 2025.



FGD 1: KOMUNITI PENTERNAK

Sesi FGD 1 ini telah melibatkan 12 orang penternak di kawasan Parlimen Balik Pulau. Para penternak terdiri daripada mereka yang menternak lembu, kambing dan ayam telah menyuarakan permasalahan yang telah dialami oleh mereka semasa sesi dialog di Pejabat Ahli Parlimen Balik Pulau. Antara isu-isu yang disuarakan oleh penternak adalah seperti: **(1)** kos makanan ternakan tinggi dimana penternak bergantung pada makanan ternakan luar yang mahal, meningkatkan kos operasi; **(2)** subsidi diesel untuk penternak tidak mencukupi; **(3)** proses lesen untuk penternakan sangat kompleks yang telah menghalang penternak kecil dari berdaftar dan menerima bantuan; **(4)** ketiadaan pusat penyembelihan berdekatan yang membawa kepada peningkatan kos pengangkutan; **(5)** keperluan tanah untuk penanaman silaj untuk mengurangkan kos makanan ternakan; dan **(6)** kebimbangan terhadap aktiviti penyembelihan tanpa lesen oleh warga asing, terutama di kawasan sekitar Sungai Burung.



LAWATAN TAPAK 1: KOLAM TERNAKAN IKAN KELI, KAMPUNG BAGAN AIR HITAM

Satu sesi lawatan tapak telah diadakan ke Kolam Ternakan Ikan Keli yang diusahakan oleh En. Lim di Kampung Bagan Air Hitam, Balik Pulau. Penternakan ikan keli (Keli Afrika) ini telah dijalankan sejak 15 tahun yang lalu dan kini mempunyai 11 kolam yang merangkumi kawasan seluas 6 hektar. Menurut En. Lim, salah satu cabaran utama yang dihadapi adalah kenaikan kos makanan ikan yang semakin tinggi.



Selain itu, kekurangan bekalan benih ikan dari Pulau Pinang turut menyumbang kepada peningkatan kos operasi, terutama sekali dalam aspek kos pengangkutan dan penghantaran. Tambahan lagi, keterlibatan belia tempatan dalam bidang penternakan semakin meruncing kerana kebanyakan belia tidak menunjukkan minat terhadap sektor ini. Akibatnya, pengusaha tempatan terpaksa memberi peluang pekerjaan kepada warga asing untuk memastikan kelangsungan perniagaan mereka.



LAWATAN TAPAK 2: KAWASAN TERNAKAN DI KAMPUNG SUNGAI BURUNG

Para penyelidik telah melawat kandang ternakan yang dimiliki oleh Pengerusi Persatuan Penternak Ruminan Pulau Pinang, En. Shamsul, yang terletak di Kampung Sungai Burung. Menurut beliau, selain memfokuskan kepada hasil ternakan, kandang tersebut juga berfungsi sebagai tempat untuk menimbang haiwan ternakan sebelum dijual kepada pembeli.

Terdapat beberapa isu yang perlu diberi perhatian, antaranya adalah keperluan untuk membina sebuah pusat penyembelihan di Daerah Barat Daya. Selain itu, beliau juga menyuarakan kebimbangan terhadap sektor penternakan tempatan yang semakin kritikal akibat persaingan dengan haiwan ternakan dari Thailand, yang memberi impak besar terhadap kelangsungan perniagaan penternak tempatan.



LAWATAN TAPAK 3: PENGLIBATAN WARGA ASING DALAM PERTANIAN DAN PENTERNAKAN

Para penyelidik juga melawat kawasan pertanian yang melibatkan warga asing. Isu ini telah menjadi satu kerungsingan kepada penternak tempatan. Hal ini kerana kebanyakan warga asing mula terlibat dalam penternakan dan menjalankan aktiviti penyembelihan haiwan tanpa mematuhi syarat serta peraturan yang ditetapkan, sekali gus menjejaskan kualiti serta keselamatan produk ternakan di pasaran. Tambahan, para penternak turut mendedahkan bahawa ramai warga asing di Balik Pulau mula menguasai sektor pertanian dengan menyewa tanah daripada tuan tanah tempatan untuk tujuan pertanian.



FGD 2: KOMUNITI NELAYAN PANTAI

FGD 2 ini telah melibatkan para nelayan Pantai (Zon A) dari Unit Nelayan Kuala Jalan Baru. Terdapat 7 orang nelayan yang hadir dan telah menyuarakan beberapa isu terdesak dalam kalangan nelayan setempat ini. Antara isu-isu tersebut adalah: **(1)** projek tambakan laut memberi kesan negatif terhadap ekosistem; **(2)** pengambilan pasir/aktiviti korek pasir yang menjadikan kawasan tangkapan tradisional semakin tercemar; **(3)** penebangan bakau untuk projek akuakultur memberi kesan buruk kepada hasil nelayan pada jangka masa yang panjang; **(4)** isu pampasan bagi Projek Pulau Silikon tidak adil kerana semua nelayan di Unit Kuala Jalan Baru tidak menerima pampasan walaupun mereka turut terkesan akibat projek tersebut.



FGD 3: KOMUNITI BELIA

FGD 3 ini telah melibatkan golongan belia di kawasan sekitar Balik Pulau dan Bayan Lepas yang diadakan di Gula Garam Café. Antara isu-isu yang telah disuarakan oleh belia yang terdiri daripada 7 orang belia yang terdiri daripada belia lingkungan 19 hingga 29 tahun ini adalah: **(1)** kekurangan peluang pekerjaan; **(2)** kurangnya penyertaan dalam aktiviti sosial; **(3)** masalah pengurusan kewangan; dan **(4)** penglibatan belia dalam aktiviti sosial seperti lumba haram, penyalahgunaan dadah dan ketum, serta perjudian dalam talian.



LAWATAN TAPAK 4: BAGAN TELUK KUMBAR

Satu lawatan tapak ke Bagan Teluk Kumbar telah diadakan. Isu penempatan dan kehadiran etnik Rohingya di Teluk Kumbar, Pulau Pinang telah menjadi topik hangat di kalangan penduduk tempatan dan nelayan. Walau bagaimanapun, semasa sesi lawatan, para penyelidik bertemu dengan beberapa penduduk dan nelayan setempat yang menyatakan bahawa isu tersebut tidak wujud kerana mereka adalah warganegara Malaysia, namun tidak memiliki lesen nelayan.



Terdapat banyak persepsi negatif daripada masyarakat yang menganggap mereka sebagai warga asing, menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk menjalankan aktiviti nelayan. Sebagai contoh, mereka sering ditahan di lautan, bot nelayan disita akibat ketiadaan lesen, dan mereka juga tidak dapat sokongan daripada Ketua Unit Nelayan Teluk Kumbar, yang semakin merumitkan lagi situasi mereka.




FGD 4: KOMUNITI PETANI BALIK PULAU

Sesi FGD 4 ini telah melibatkan golongan petani yang terdiri daripada 17 pengusaha durian dan petani sawah padi. Sesi ini juga turut dihadiri oleh Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Seri Pulau, Balik Pulau, YBhg. Dato' Prof. Emeritus Muhammad Idris Saleh. Beberapa isu yang diketengahkan termasuk: **(A)** isu pengusaha durian, **(1)** keperluan penjenamaan Durian Balik Pulau; **(2)** subsidi diesel tidak mencukupi; **(3)** ketiadaan hab pemasaran durian di Balik Pulau; **(4)** kesukaran untuk mengemaskini permohonan MyGAP; **(5)** penyampaian maklumat berkenaan latihan dan program tidak menyeluruh. Selain itu, **(B)** isu petani sawah padi merangkumi; **(1)** bekalan dan kualiti benih padi di mana terdapat kekurangan bekalan benih di pulau pinang dan kualiti benih yang ada adalah rendah; **(2)** perosak dan penyakit: petani menghadapi serangan perosak, terutamanya bena perang dan virus; **(3)** tanah terbiar: tanah yang dibeli oleh individu atau syarikat berdekatan kawasan pertanian dibiarkan tanpa penyelenggaraan, menjadi tempat pembiakan perosak yang menyerang tanaman berdekatan; **(4)** kos input pertanian yang semakin meningkat; dan **(5)** tahap kesuburan tanah sawah padi yang semakin berkurangan.



FGD 5: KOMUNITI USAHAWAN

FGD 5 ini telah melibatkan 16 orang usahawan. Sesi ini juga turut dihadiri oleh Pengerusi Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Seri Pulau, Balik Pulau, YBhg. Dato' Prof. Emeritus Muhammad Idris bin Saleh. Sepanjang sesi dialog yang berlangsung di Pejabat PPK ini, terdapat beberapa isu yang diketengahkan: **(1)** kekurangan tenaga kerja disebabkan oleh gaji yang tidak kompetitif, pilihan golongan muda yang lebih cenderung bekerja di sektor kilang; **(2)** bantuan kepada usahawan sangat terhad kerana hanya disediakan untuk mereka yang berumur di bawah 43 tahun; **(3)** kekurangan usaha dalam pemasaran dan publisiti menyukarkan perniagaan untuk berkembang ke tahap yang lebih tinggi; **(4)** kekurangan premis perniagaan dan sewaan premis sangat mahal; dan **(5)** proses pensijilan halal berjalan perlahan disebabkan oleh syarat yang ketat serta masa kelulusan yang panjang.



LAWATAN TAPAK 5: PELADANG OUTLET PPK SRI PULAU

Para penyelidik telah melawat Peladang Outlet PPK Sri Pulau yang berperanan sebagai pusat pengumpulan hasil pertanian bagi Pertubuhan Peladang, ahli, dan usahawan, serta berfungsi sebagai pusat pengedaran yang menjual hasil pertanian secara borong dan melaksanakan aktiviti penjualan runcit secara terus kepada pengguna. Penubuhan outlet ini juga secara tidak langsung para usahawan kecil-kecilan dalam mempromosikan dan memasarkan produk mereka kepada orang ramai.



FGD 6: KOMUNITI PELANCONGAN

FGD 6 telah melibatkan 17 individu/pemilik yang aktif dalam sektor ekopelancongan di Balik Pulau. Sepanjang sesi dialog yang berlangsung di Audi Dream Farm, Sungai Rusa, beberapa isu utama yang telah diketengahkan seperti: **(1)** kekurangan promosi dalam mengetengahkan Balik Pulau sebagai satu tarikan pelancongan; **(2)** kekurangan akses pengangkutan awam. Penutupan perkhidmatan bas Rapid 501 pada laluan Teluk Bahang-Titi, Kerawang-Sungai, dan Rusa-Balik Pulau telah menyebabkan kekurangan mobiliti, menyukarkan penduduk dan pelancong untuk berhubung antara kawasan; **(3)** kekurangan penurapan tar dan pelebaran jalan masuk ke sesetengah pusat pelancongan di Balik Pulau menyebabkan masalah aksesibiliti, yang mengganggu aliran pelancong dan perkembangan industri pelancongan setempat; **(4)** proses perlesenan yang tidak menyeluruh bagi sesetengah pusat pelancongan dan inap desa mengakibatkan halangan dalam pembangunan dan operasi.



LAWATAN TAPAK 6: AUDI DREAM FARM

Para penyelidik turut dibawa melawat Audi Dream Farm, sebuah ladang agropelancongan yang dimiliki oleh En. Sam, di mana pasukan penyelidik berpeluang melihat pelbagai haiwan seperti arnab, rusa, kuda, unta, burung, dan love birds serta memberi mereka makanan. Audi Dream Farm merupakan destinasi yang menarik bagi pelancong dan warga tempatan kerana ia menawarkan suasana ladang yang menenangkan sambil membolehkan pengunjung mendekati haiwan-haiwan tersebut.



Selain itu, ladang ini turut menyediakan ruang untuk aktiviti kekeluargaan, sambutan hari jadi, serta lawatan pendidikan khusus untuk tadika dan sekolah, menjadikannya lokasi yang sesuai untuk pembelajaran luar bilik darjah dan aktiviti sosial. Walau bagaimanapun, keperluan dan sokongan daripada pelbagai pihak untuk mengembangkan serta menarik lebih ramai pengunjung, sama ada dari kalangan tempatan atau luar, adalah satu perkara serius yang perlu dibincangkan



FGD 7: KOMUNITI SUKARELAWAN WANITA

FGD 7 ini telah melibatkan 23 orang sukarelawan wanita dari Balik Pulau. Sepanjang sesi dialog yang berlangsung di Pejabat Wanita Perhatin Kampung Seronok, Bayan Lepas, beberapa isu penting telah diketengahkan: **(1)** golongan wanita/ibu tunggal yang tidak bekerja, mengalami kemiskinan tegar memerlukan bantuan kewangan dan sokongan yang lebih menyeluruh; **(2)** peningkatan kos sara hidup; **(3)** isu warga emas dan pendigitalan yang terhad; **(4)** penggunaan ketum, ganja, dan syabu telah berleluasa di Kampung Nelayan sejak 20 tahun lalu dan situasi ini semakin meruncing sejak PKP; **(5)** peningkatan golongan "blindspot"; dan **(6)** ketiadaan rumah perlindungan kepada mereka yang berhadapan dengan keganasan rumah tangga.



LAWATAN TAPAK 7: CHIN HWA CHINESE PRIMARY SCHOOL

Satu sesi lawatan ke Chin Hwa Chinese Primary School telah diadakan. Sekolah ini telah beroperasi sejak tahun 1939. Pada masa ini, sekolah ini hanya mempunyai 8 orang guru dan 25 orang pelajar. Sepanjang lawatan, Guru Besar, Cik Thor, telah menekankan kepentingan pendidikan dan nilai murni yang perlu diterapkan dalam kehidupan pelajar. Sebagai contoh, di setiap pintu tandas sekolah, terdapat gambar-gambar yang menggambarkan pelbagai jenis pekerjaan pada masa hadapan, untuk memberi inspirasi kepada pelajar tentang potensi kerjaya mereka. Apa yang lebih menarik lagi adalah adanya sebuah monumen berbentuk tenggiling yang dihasilkan daripada barangan kitar semula. Monumen ini membawa mesej "*The day start a very good day*", yang bertujuan untuk memberi motivasi kepada guru dan pelajar agar sentiasa memulakan hari mereka dengan semangat dan komitmen untuk menimba ilmu.



FGD 8: KOMUNITI WARGA EMAS

FGD 8 ini telah melibatkan 8 orang warga emas di Balik Pulau. Sepanjang sesi dialog yang berlangsung di Pusat Warga Emas (PAWE), beberapa isu penting telah diketengahkan termasuk: **(1)** kesunyian warga emas tanpa anak-anak; **(2)** peningkatan kos sara hidup; **(3)** isu warga emas dan pendigitalan yang terhad; dan **(4)** isu warga emas yang menjadi mangsa "scammer".



FGD 9: KOMUNITI ORANG KURANG UPAYA

FGD 9 ini telah melibatkan Pengerusi, Penyelia dan Pekerja Bengkel di Balik Pulau. Sepanjang sesi dialog yang berlangsung di Pusat Harian Harapan Bakti, Balik Pulau, beberapa isu penting telah diketengahkan termasuk: **(1)** sokongan dana dan bantuan terhadap pengurusan Rumah Harapan sangat terhad; **(2)** peluang pekerjaan untuk golongan Istimewa ini sangat terhad; dan **(3)** kekangan fizikal dalam menjalankan aktiviti ekonomi dan sosial.

LAWATAN TAPAK 8: KAMPUNG PERLIS

Para penyelidik telah dibawa melawat ke kawasan yang terjejas oleh banjir yang berdekatan dengan kebun dan tanah pertanian di Kampung Perlis. Menurut salah seorang petani di kawasan tersebut, isu banjir ini berpunca daripada kekurangan penyelenggaraan di kawasan sungai berhampiran, di mana banyak rumput liar tumbuh, menghalang aliran air. Akibatnya, apabila hujan lebat yang berpanjangan, air akan naik dan melimpah, menyebabkan kerosakan kepada tanah pertanian dan kebun penduduk.



BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P.053 Balik Pulau

Senarai Jadual

Jadual 1	Komposisi Penduduk di Parlimen Balik Pulau
Jadual 2	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Balik Pulau
Jadual 3	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 12	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu Temubual
Jadual 13	Ringkasan Isu 1
Jadual 14	Ringkasan Isu 2
Jadual 15	Ringkasan Isu 3
Jadual 16	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Singkatan

AADK	Agensi Antidadah Kebangsaan
APPGM-SDG	All Party Parliamentary Group Malaysia- Sustainable Development Goals
DBD	Daerah Barat Daya
DOSM	Department of Statistic Malaysia
DUN	Dewan Undangan Negeri
DVS	Jabatan Perkhidmatan Veterinar (Malaysia)
EXCO	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
FGD	Focus Group Discussion
FMD	Foot and Mouth Disease (penyakit kuku & mulut ternakan)
IAD	<i>Inter-agency Dialogue</i>
IATn	Industri Asas Tani
JBS	Jabatan Belia dan Sukan
JKM	Jabatan Kebajikan Masyarakat
JMB	Joint Management Body
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
JPW	Jabatan Pembangunan Wanita
JPVPP	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPTM	Kolej Poly-Tech MARA
LHDN	Lembaga Hasil Dalam Negeri
LPNPP	Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang
MBPP	Majlis Bandaraya Pulau Pinang
MC	Management Corporation
MESTI	Skim keselamatan makanan "MESTI" (dirujuk sebagai peraturan spesifikasi premis)
N.38 / N.39 / N.40	Kod DUN Bayan Lepas / Pulau Betong / Teluk Bahang
NGO	Non-Governmental Organisation
OKU	Orang Kurang Upaya
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PERDA	Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)
PH	Pakatan Harapan
PHI	Penang Halal International
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PPR	Projek/Program Perumahan Rakyat

PWDC	Penang Women's Development Corporation
ROS	Registrar of Society
RS	Rumah Sembelih
SDG	Sustainable Development Goals
SPS	Seberang Perai Selatan
SSM	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
YB	Yang Berhormat

1.0 PENGENALAN

Parlimen Balik Pulau (P.053) merupakan sebuah kawasan Persekutuan di Pulau Pinang, Malaysia yang mempunyai wakil di Dewan Rakyat. Ahli Parlimen Balik Pulau kini disandang oleh YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik, dari Parti Keadilan Rakyat (PKR), sebuah parti komponen dalam gabungan Pakatan Harapan (PH). Pada Pilihan Raya Umum ke-15 (2022), YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik berjaya memperoleh kemenangan di kerusi Parlimen Balik Pulau dengan majoriti sebanyak 1,582 undi.



YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik

1.1 Geografi/Topografi

Secara fizikalnya, Negeri Pulau Pinang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian pulau dan Seberang Perai. Ia terletak di utara Semenanjung Malaysia dan bersempadan beberapa negeri di bahagian Seberang Perai iaitu Negeri Kedah di sebelah Utara dan Timur serta Negeri Perak di bahagian Selatan. Negeri Pulau Pinang terdiri daripada lima daerah iaitu Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya di bahagian pulau serta Daerah Seberang Perai Utara, Daerah Seberang Perai Tengah dan Daerah Seberang Perai Selatan di kawasan tanah besar. Ibu negeri bagi Negeri Pulau Pinang adalah George Town dan disokong beberapa bandar utama lain seperti Bayan Baru, Jelutong, Tanjong Tokong, Bandar Baru Ayer Itam, Butterworth, Bukit Mertajam dan Kepala Batas/ Bandar Bertam.

Parlimen Balik Pulau ialah sebuah kawasan parlimen yang terletak di bawah pentadbiran Daerah Barat Daya, Pulau Pinang. Daerah ini bersempadan dengan kawasan Seberang Perai di bahagian timur, yang dihubungkan melalui Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. Kawasan pesisir pantai Daerah Barat Daya turut bersempadan dengan Selat Melaka, sebuah kawasan yang kaya dengan sumber maritim serta mempunyai keindahan semula jadi. Justeru itu, Pantai Pasir Panjang dan kawasan rekreasi di sekitar Teluk Bahang, yang menjadi tarikan utama dan destinasi pilihan bagi pelancong dan penduduk tempatan untuk beriadah.

Parlimen Balik Pulau terdiri daripada tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN Bayan Lepas (N.38), DUN Pulau Betong (N.39) dan DUN Teluk Bahang (N.40). Berdasarkan bancian 2020, keluasan kawasan Parlimen ini adalah 147-kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 132,344 orang. Parlimen Balik Pulau mempunyai kepadatan penduduk 900 orang per satu kilometer persegi pada tahun 2020.

Daripada segi keluasan kawasan, DUN Bayan Lepas mempunyai kawasan seluas 38 km persegi dengan jumlah penduduk seramai 85,321 orang dan kepadatan penduduk adalah 2,245 orang per km persegi. Manakala, kawasan DUN Pulau Betong mempunyai

keluasan sebanyak 44 km persegi dan jumlah penduduk seramai 27,310 orang dengan kepadatan penduduk sebanyak 621 orang per km persegi. DUN Teluk Bahang pula berkeluasan sebanyak 65 km persegi mempunyai 19,713 penduduk dengan kepadatan 303 orang per km persegi.

1.2 Komposisi Penduduk

Jumlah penduduk di Parlimen Balik Pulau secara keseluruhannya berjumlah 132,344 orang. Daripada jumlah penduduk tersebut, 129,100 orang atau 97.5 peratus adalah warganegara dan 3,244 orang atau 2.5 peratus bukan warganegara. Menerusi jumlah 132,344 orang penduduk di Parlimen Balik Pulau ini, sebanyak 84,303 orang adalah etnik bumiputera, 41,820 orang adalah daripada etnik Cina, 5,690 orang etnik India dan 529 orang lagi daripada etnik lain-lain.

Jadual 1. Komposisi Penduduk di Parlimen Balik Pulau

BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.
1.	Bumiputera	84,303	63.7
2.	Cina	41,820	31.6
3.	India	5690	4.3
4.	Lain-lain	529	0.4
JUMLAH KESELURUHAN		132,344	100

Sumber: Statistik Subnasional Parlimen dan DUN, 2020

Pengkelasan mengikut kategori jantina pula, 67,558 orang adalah lelaki, manakala 64,786 orang adalah wanita. Daripada segi lingkungan umur, golongan antara 0 ke 14 tahun berjumlah sebanyak 23.3 peratus, golongan 15 ke 64 tahun sebanyak 71.4 peratus, dan golongan daripada 65 tahun ke atas adalah 5.3 peratus.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Dari segi geografi, Parlimen Balik Pulau terletak kira-kira 12.7 km ke arah barat daya dari pusat bandar George Town. Kawasan parlimen ini dikelilingi oleh perbukitan di bahagian tengah pulau, yang memisahkannya dari kawasan bandar di sebelah timur. Keadaan topografi ini menjadikan Balik Pulau sebagai kawasan yang lebih tenang dan kurang membangun berbanding dengan kawasan pusat bandar di sebelah timur. Walau bagaimanapun, parlimen ini juga mempunyai pelbagai kegiatan ekonomi yang menyumbang kepada pembangunan kawasan ini dimana sebahagian besar ekonomi di Parlimen Balik Pulau berasaskan pertanian, perikanan, dan pelancongan, selain sektor perkhidmatan yang semakin berkembang.

- **Pertanian**

Balik Pulau terkenal dengan landskap semula jadi yang indah, termasuk kawasan **pertanian** yang luas. Ekonomi di sini banyak bergantung kepada aktiviti pertanian, dengan tanaman seperti durian, buah pala, dan cempedak yang terkenal di seluruh Malaysia. Tanah yang subur dan iklim tropika membolehkan kawasan ini menjadi pusat pengeluaran durian berkualiti tinggi, termasuk varieti durian terkenal seperti *Musang King* dan *Black Thorn*. Selain itu, tanaman padi juga diusahakan oleh penduduk di beberapa kawasan, menjadikan pertanian sebagai sumber pendapatan penting.

- **Perikanan**

Di samping pertanian, **sektor perikanan** juga memainkan peranan penting dalam ekonomi tempatan. Kampung-kampung nelayan seperti Teluk Kumbar dan Kuala Sungai Pinang menjadi pusat aktiviti penangkapan ikan dan hasil laut segar. Ramai penduduk tempatan terlibat dalam industri ini, sama ada sebagai nelayan atau dalam pemprosesan hasil laut seperti ikan kering dan belacan. Aktiviti perikanan ini bukan sahaja memenuhi keperluan domestik, malah ada yang dieksport ke luar daerah.

- **Pelancongan**

Selain itu, **sektor pelancongan** di Balik Pulau semakin berkembang, menarik pelancong yang ingin menikmati keindahan alam semula jadi serta keunikan budaya tempatan. Keindahan kampung tradisional yang masih terpelihara, keramahan penduduk, serta hidangan tempatan yang enak seperti laksa dan nasi lemak daun pisang turut menjadi daya tarikan utama. Antara destinasi menarik di Balik Pulau termasuk ladang-ladang durian yang terkenal dengan hasil berkualiti tinggi, pantai-pantai yang masih terjaga, serta laluan eko-pelancongan yang menawarkan pengalaman unik kepada pengunjung. Di sepanjang pesisir pantai baratnya, terdapat beberapa pantai yang menjadi lokasi pilihan untuk aktiviti rekreasi, seperti Pantai Pasir Panjang dan Pantai Malindo. Kombinasi antara perbukitan yang menghijau, kawasan pertanian yang subur, dan pantai yang indah menjadikan topografi Balik Pulau unik dan berbeza daripada kawasan lain di Pulau Pinang, menjadikannya destinasi yang sesuai untuk pencinta alam dan pelancongan santai.

- **Perkhidmatan dan keusahawanan**

Sektor perkhidmatan dan keusahawanan juga semakin meningkat seiring dengan pertumbuhan penduduk dan keperluan ekonomi moden. Kedai-kedai kecil, restoran, serta perniagaan dalam talian mula mendapat tempat dalam masyarakat, membuka peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Dengan

adanya pembangunan infrastruktur yang lebih baik, sektor ini dijangka terus berkembang dan menyumbang kepada kemajuan ekonomi Parlimen Balik Pulau.

Secara keseluruhannya, kegiatan ekonomi di Parlimen Balik Pulau berkembang dengan pesat dalam pelbagai sektor, menjadikan kawasan ini unik dengan gabungan ekonomi tradisional dan moden. Dengan potensi besar dalam pertanian, perikanan, dan pelancongan, Balik Pulau mampu terus maju dan memberikan kesejahteraan kepada penduduknya.

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Balik Pulau di Pulau Pinang terdiri daripada tiga kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN), iaitu DUN Bayan Lepas, DUN Pulau Betong, dan DUN Teluk Bahang. Setiap DUN ini mempunyai keistimewaan tersendiri yang berkait rapat dengan konteks geografi, ekonomi, dan sosial tempatan. Secara asasnya setiap DUN di parlimen ini mempunyai keistimewaan serta hubungannya dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

DUN Bayan Lepas terkenal sebagai pusat ekonomi utama kerana kedudukannya yang berhampiran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan kawasan perindustrian. Pembangunan pesat di kawasan ini dilengkapi dengan kemudahan moden seperti sekolah, hospital, dan pusat membeli-belah. Kehadiran industri di kawasan Bayan Lepas ini merancakkan ekonomi dan menawarkan peluang kerja terutamanya kepada penduduk kawasan Parlimen Balik Pulau. Dari perspektif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), Bayan Lepas berkait rapat dengan SDG 8 (Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi) dan SDG 9 (Industri, Inovasi dan Prasarana) dengan fokus sasaran seperti berikut:

Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui kepelbagaian, peningkatan teknologi dan inovasi, termasuk melalui tumpuan pada sektor bernilai ditambah tinggi dan intensif buruh.

Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia, dengan tumpuan pada akses yang berpatutan dan adil untuk semua;

Sasaran 9.2: Menggalakkan perindustrian yang inklusif dan mampan, dan menjelang 2030, untuk meningkatkan dengan ketara bahagian pekerjaan industri dan KDNK selaras dengan keadaan negara serta menggandakan bahagiannya di negara-negara kurang maju. Walaubagaimanapun, pembangunan di kawasan ini perlu menyeimbangkan pertumbuhan ekonomi dengan pemeliharaan alam

sekitar untuk memastikan kesejahteraan penduduk dan kemampanan yang berterusan.

DUN Pulau Betong merupakan kawasan luar bandar yang terkenal dengan aktiviti pertanian seperti penanaman padi, buah-buahan tropika, dan penternakan. Kawasan ini juga kaya dengan keindahan alam semula jadi seperti pantai dan hutan paya bakau. Agro-pelancongan telah menjadi antara fokus utama di Balik Pulau, terutamanya dalam sektor pengeluaran buah-buahan tropika seperti durian. Durian Musang King dari kawasan ini telah mula dieksport ke pasaran antarabangsa seperti China dan Hong Kong, serta menarik minat pelancong untuk melawat dusun-dusun durian semasa musim buah-buahan. Dalam konteks SDG, Pulau Betong berkait rapat dengan SDG 2 (Kelaparan Sifar) dan SDG 15 (Kehidupan di Darat) dengan fokus sasaran seperti berikut:

Sasaran 2.3: menggandakan produktiviti pertanian dan pendapatan pengeluar makanan berskala kecil, khususnya wanita, orang peribumi, petani keluarga, pengembala dan nelayan, termasuk melalui akses yang selamat dan sama rata kepada tanah, sumber produktif lain dan input, pengetahuan, perkhidmatan kewangan, pasaran, dan peluang untuk menambah nilai dan pekerjaan bukan ladang.

Sasaran 15.1: Menjelang 2020, pastikan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan mampan ekosistem air tawar daratan dan pedalaman serta perkhidmatannya, khususnya hutan, tanah lembap, gunung dan tanah kering, selaras dengan kewajipan di bawah perjanjian antarabangsa.

Sasaran 15.2: Menjelang 2020, menggalakkan pelaksanaan pengurusan lestari semua jenis hutan, menghentikan penebangan hutan, memulihkan hutan yang rosak dan meningkatkan penghutan dan penghutan semula dengan ketara secara global.

DUN Teluk Bahang pula merupakan destinasi utama pelancongan ekologi di Pulau Pinang, dengan tarikan alam semulajadi seperti Taman Negara Pulau Pinang dan Pantai Kerachut. Di samping itu, kawasan ini turut menempatkan komuniti nelayan tradisional yang masih aktif menjalankan aktiviti perikanan. Dalam konteks Matlamat Pembangunan Mampan, Teluk Bahang berkait rapat dengan SDG 14 iaitu Kehidupan Dalam Air, khususnya dalam usaha melindungi dan menguruskan ekosistem laut secara mampan. Kawasan ini juga menyumbang kepada pencapaian SDG 12 iaitu Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab, terutamanya dalam aspek pembangunan dan pelaksanaan dasar pelancongan mampan yang memelihara alam sekitar. Hal ini bertepatan dengan:

Sasaran 14.2: Menjelang 2020, urus dan lindungi ekosistem marin dan pantai secara mampan untuk mengelakkan kesan buruk yang ketara, termasuk dengan mengukuhkan daya tahan mereka, dan mengambil tindakan untuk pemulihannya bagi mencapai lautan yang sihat dan produktif.

Sasaran 12.b : Membangun dan melaksanakan alat untuk memantau impak pembangunan mampan dalam pelancongan mampan yang mewujudkan pekerjaan dan mempromosikan budaya dan produk tempatan.

Parlimen Balik Pulau, yang terletak di barat daya Pulau Pinang, Malaysia, merupakan sebuah kawasan yang kaya dengan potensi agro-pelancongan dan ekopelancongan. Dikenali sebagai "kawasan hijau" Pulau Pinang, Balik Pulau menawarkan gabungan unik antara pertanian subur dan keindahan alam semula jadi yang menarik. Keistimewaan ini menjadikannya destinasi pelancongan yang berpotensi tinggi untuk dibangunkan secara mampan.

Agro-pelancongan telah menjadi salah satu fokus utama di Balik Pulau, terutamanya dalam sektor pengeluaran buah-buahan tropika seperti durian. Durian *Musang King* dari kawasan ini telah mula dieksport ke pasaran antarabangsa seperti China dan Hong Kong, menarik minat pelancong untuk melawat dusun-dusun durian semasa musim buah¹. Selain itu, Comfort Organic Farm menawarkan pengalaman langsung mengenai pertanian organik, di mana pelancong boleh mempelajari kaedah pertanian mampan dan menikmati hasil organik yang segar². Ladang kambing tenusu Saanen juga menjadi tarikan unik, dengan peluang untuk berinteraksi dengan kambing dan mencuba produk tenusu seperti ais krim dan yogurt.

Dari segi ekopelancongan, Balik Pulau menawarkan destinasi alam semula jadi yang menarik seperti Taman Negara Pulau Pinang, yang terkenal dengan aktiviti mendaki, menjelajah hutan, dan menikmati keindahan pantai seperti Pantai Kerachut³. Kawasan hutan paya bakau juga penting untuk ekosistem marin dan pencegahan hakisan pantai, menjadikannya lokasi yang sesuai untuk aktiviti pemuliharaan dan lawatan berasaskan alam⁴.

¹ Jabatan Pertanian Malaysia, "Eksport Durian Musang King dari Balik Pulau," diakses pada 23 Mac 2025, www.doa.gov.my.

² Comfort Organic Farm, "Pengalaman Pelancongan Mampan," diakses pada 23 Mac 2025, www.comfortorganicfarm.com.

³ Ladang Kambing Tenusu Saanen, "Pengalaman Interaksi dengan Kambing dan Produk Tenusu," diakses pada 23 Mac 2025, www.saanendairyfarm.com.

⁴ Taman Negara Pulau Pinang, "Aktiviti Ekopelancongan," diakses pada 23 Mac 2025, www.penangnationalpark.gov.my.

Untuk memaksimumkan potensi ini, beberapa strategi pembangunan mampan boleh dilaksanakan. Pertama, pembangunan infrastruktur seperti hospital swasta dan kemudahan pelancongan perlu dipertingkatkan untuk meningkatkan aksesibiliti dan kualiti hidup penduduk tempatan⁵. Kedua, kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, dan komuniti tempatan adalah penting untuk memastikan pembangunan yang seimbang dan mampan⁶. Ketiga, program pendidikan dan kesedaran tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar dan pertanian mampan perlu dilaksanakan untuk melibatkan komuniti tempatan dan pelancong⁷.

Secara keseluruhan, Balik Pulau mempunyai potensi besar untuk menjadi destinasi agro dan ekopelancongan yang unik dan mampan. Dengan gabungan kekuatan sektor pertanian, keindahan alam semula jadi, dan sokongan kerajaan, kawasan ini boleh menarik lebih banyak pelancong sambil memastikan pemeliharaan alam sekitar dan kesejahteraan komuniti tempatan.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Data ini dikumpulkan melalui kaedah lapangan dan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran di peringkat komuniti. Kaedah pengumpulan data dimulakan dengan mesyuarat awalan bersama Ahli Parlimen Balik Pulau pada 15 Januari 2025 di Mycreative Ventures, Surian Tower. Sesi ini dihadiri oleh YB Ahli Parlimen Balik Pulau, YB Dato' Muhammad Bakhtiar Wan Chik dan pihak APPGM-SDG diwakili oleh Puan Nurul Syaza Mazelan dan Cik Siti Noraiysah. Tujuan perbincangan ini dilakukan adalah untuk berkongsi gerak kerja APPGM-SDG dalam konteks kajian pemetaan isu di Parlimen Balik Pulau serta mendapatkan persetujuan kerjasama daripada Ahli Parlimen dalam gerak kerja ini. Selain itu, dalam perbincangan ini juga pihak Ahli Parlimen berkongsi isu-isu awalan di kawasan kajian dan cadangan kumpulan komuniti yang akan difokuskan.

Satu Mesyuarat Pemprofilan Penempatan (*Profiling*) telah dilakukan secara bersemuka di Pusat Khidmat Ahli Parlimen Balik Pulau pada 27 Januari 2025 bersama dengan pegawai-pegawai dari Pusat Khidmat tersebut. Sesi ini bertujuan untuk mendapatkan profil parlimen dan mengenal pasti isu-isu terdesak serta kumpulan sasaran bagi kajian pemetaan isu di kawasan parlimen tersebut. Aturcara tentatif bagi lawatan tapak (*site visit*) juga telah dibincangkan semasa sesi mesyuarat ini berlangsung.

⁵ World Wildlife Fund (WWF) Malaysia, "Pemeliharaan Hutan Paya Bakau," diakses pada 23 Mac 2025, www.wwf.org.my.

⁶ Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, "Pembangunan Infrastruktur di Balik Pulau,

⁷ Laporan Tempatan Akhbar Berita Harian, "Program Pendidikan dan Kesedaran Alam Sekitar di Balik Pulau," 15 Februari 2025

Sesi pra-lawatan (*pre-visit*) juga telah dilakukan pada 27 Januari 2025 bersama Tuan Pegawai Daerah Barat Daya, Tuan Mohd Hafiz Aswad Bin Nadzri yang berlangsung di Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya. Sesi ini dihadiri oleh wakil APPGM-SDG, Dr. Teo Lee Ken, Dr. Thanaraj Murudi, Siti Noraiysah dan Darshini Rawichandran. Turut hadir dalam sesi ini ialah Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan Masyarakat), Pn. Fariza dan empat orang penghulu. Tujuan utama sesi pra-lawatan ini adalah untuk memberi gambaran awal kepada Pegawai Daerah tentang gerak kerja APPGM-SDG dan memberi makluman berkenaan lawatan tapak tiga hari yang akan dijalankan di Parlimen Balik Pulau. Menerusi sesi pra lawatan tersebut, tumpuan perbincangan telah menfokuskan kepada pelbagai isu yang berkaitan dengan pembangunan ekonomi sosial dan pemeliharaan alam sekitar di kawasan setempat.

Sesi lawatan tapak telah dijalankan selama tiga hari bermula dari 22 hingga 24 Februari 2025. Teknik yang telah digunakan adalah melalui Perbincangan Kumpulan Berfokus atau *Focus Group Discussion* (FGD) secara bersemuka. Sesi perbincangan ini telah dijalankan oleh kumpulan penyelidik yang terdiri daripada:

1. Siti Noraiysah Rohim : Ketua Penyelidik
2. Prof Datuk Dr. Denison : Ketua Sekretariat APPGM-SDG
Jayasooria
3. Zoel Ng : Pengarah Jabatan Komunikasi Korporat
4. Darshini Rawichandran : Pembantu Penyelidik
5. Prathina Saravanamuthu : Pembantu Penyelidik

Perbincangan ini melibatkan beberapa lokasi dengan komuniti dan isu yang berbeza selaras untuk mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG). Terdapat sembilan kumpulan komuniti utama dengan lapan sesi dialog, satu sesi temubual secara mendalam dan lapan sesi lawatan dijalankan (rujuk Jadual 2) . Dalam kebanyakan sesi FGD, gambar-gambar yang diambil adalah dengan persetujuan oleh pihak komuniti dan peserta yang terlibat dan perbincangan telah direkodkan setelah mendapatkan kebenaran dari peserta.

Jadual 2. Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Balik Pulau

TARIKH	PERKARA
22 Februari 2025, Sabtu	<ul style="list-style-type: none"> • Dialog Bersama Komuniti Penternak • Lawatan Tapak ke Kolam Ternakan Ikan Keli, Kampung Bagan Air Hitam • Lawatan Tapak ke Kawasan Ternakan di Kampung Sungai Burung

TARIKH	PERKARA
	<ul style="list-style-type: none"> • Lawatan Tapak berkenaan dengan Penglibatan Warga Asing dalam Pertanian dan Penternakan • Dialog Bersama Komuniti Nelayan Pantai • Dialog Bersama Komuniti Belia
23 Februari 2025, Ahad	<ul style="list-style-type: none"> • Dialog Bersama Komuniti Petani Balik Pulau • Lawatan Tapak ke Bagan Teluk Kumbar • Dialog Bersama Komuniti Usahawan • Lawatan Tapak ke Peladang Outlet PPK Sri Pulau • Dialog Bersama Komuniti Pelancongan • Lawatan Tapak ke Audi Dream Farm • Dialog Bersama Komuniti Sukarelawan Wanita
24 Februari 2025, Isnin	<ul style="list-style-type: none"> • Lawatan Tapak ke <i>Chin Hwa Chinese Primary School</i> • Dialog Bersama Komuniti Warga Emas • Temubual Mendalam Bersama Komuniti Orang Kurang Upaya • Lawatan Tapak ke Kampung Perlis
13 Mac 2025, Khamis	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi Dialog antara Agensi bersama Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya

Satu sesi dialog antara agensi telah dijalankan pada 13 Mac 2025 di Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya. Sesi dialog ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Rosli Bin Halim selaku Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Dan Tanah Barat Daya. Sesi dialog ini bertujuan untuk mendapatkan maklum balas pejabat daerah dan juga agensi-agensi kerajaan berkenaan isu-isu yang telah dikenal pasti dan dicatatkan oleh pasukan penyelidik. Wakil APPGM-SDG yang hadir bagi sesi dialog ini adalah Siti Noraiysah Rohim, Dr Thanaraj Murudi dan Darshini.

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Terdapat beberapa perkara yang diberi keutamaan dari segi etika sepanjang kajian lapangan. Ketua Penyelidik akan memberikan ucapan alu-aluan dan memaklumkan bahawa kajian pemetaan isu ini adalah bersifat kualitatif sebelum sesi perbincangan dalam kumpulan dimulakan. Ketua Penyelidik turut mendapatkan persetujuan daripada para peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara, video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju dengan rakaman atau pengambilan gambar, maklumat dan ahan tersebut tidak akan digunakan dalam laporan atau dikongsikan di mana-mana medium. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Balik Pulau tiada halangan yang berlaku berkenaan pengambilan video, gambar dan audio.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Semasa lawatan tapak, beberapa kekangan telah dikenal pasti yang menjejaskan kelancaran sesi perbincangan. **Pertama**, bilangan peserta yang tidak memberangsangkan menjadi cabaran utama. Sebagai contoh, sesi FGD bersama nelayan laut dan belia hanya dihadiri kurang daripada 10 orang peserta, menyebabkan perbincangan kurang berkesan dan tidak mewakili pandangan majoriti kumpulan sasaran. Kekurangan penyertaan ini menyukarkan penyelidik mendapatkan maklumat yang menyeluruh dan mendalam mengenai isu yang dibincangkan.

Kedua, perubahan masa dan kelewatan peserta yang hadir turut menjejaskan perjalanan sesi. Misalnya, dalam sesi FGD bersama belia, para penyelidik terpaksa menunggu hampir satu jam sebelum sesi dapat dimulakan. Kekangan berupa perubahan masa dan kelewatan kehadiran peserta telah mempengaruhi pematuhan garis masa sesi. Walau bagaimanapun, melalui langkah mitigasi penjadualan semula dan pengimbangan jantina dalam kalangan peserta, sesi berjalan tuntas dengan keluaran data yang lebih bernuansa dari sudut lelaki dan perempuan.

Ketiga, kumpulan sasaran yang tidak bersesuaian turut memberi kesan terhadap keberkesanan perbincangan. Contohnya, dalam sesi bersama komuniti eko pelancongan, kehadiran kumpulan "*pressure group*" menyebabkan intipati perbincangan menyimpang daripada topik asal. Kehadiran mereka menjadikan perbincangan lebih tertumpu kepada isu-isu tertentu yang mungkin tidak selari dengan objektif kajian, sekaligus menyukarkan penyelidik untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

2.4 Keterbatasan Kajian

Keterbatasan masa menjadi salah satu cabaran dalam sesi *Focus Group Discussion* (FGD) di Parlimen Balik Pulau, yang hanya berlangsung selama 1 jam 30 minit hingga 2 jam. Kekangan ini menyebabkan maklumat yang diperolehi tidak cukup mendalam, terutama dalam memahami isu-isu kompleks yang dihadapi oleh komuniti setempat. Sebagai contoh, dalam sesi FGD bersama nelayan di Balik Pulau, perbincangan lebih tertumpu kepada cabaran utama seperti penurunan hasil tangkapan dan persaingan dengan nelayan pukut tunda. Namun, disebabkan had masa, aspek lain seperti keberkesanan bantuan kerajaan atau strategi jangka panjang untuk kelangsungan ekonomi nelayan tidak dapat dibincangkan secara terperinci.

Selain keterbatasan masa, **saiz penyertaan FGD yang rendah** di Parlimen Balik Pulau turut menjadi cabaran utama. Sebagai ilustrasi, dalam sesi FGD bersama nelayan, kehadiran peserta adalah kurang daripada 10 peserta walaupun komuniti sebenar adalah jauh lebih besar. Justeru, keterwakilan pandangan adalah terbatas dan dapatan berisiko lebih mencerminkan pengalaman individu tertentu berbanding kepelbagaian

realiti komuniti. Batasan ini diakui dan hendaklah diambil kira dalam penafsiran hasil kajian.

Akhir sekali, para penyelidik berdepan **kesukaran mendapatkan maklum balas menyeluruh** berkenaan isu pelancongan. Sepanjang lawatan tapak di Parlimen Balik Pulau, isu pelancongan yang memfokuskan keperluan promosi didapati masih belum memadai. Ketidakhadiran agensi berkaitan seperti *Tourism Malaysia* turut menghadkan input khusus terhadap isu tersebut.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah enam isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan dan memerlukan perhatian segera. Isu-isu ini dipilih kerana impaknya yang besar terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Cabaran kestabilan ekonomi dan peningkatan kos sara hidup	Di Parlimen Balik Pulau, penternak menanggung lonjakan kos susulan kenaikan harga makanan ternakan dan diesel serta persaingan daging import. Tambahan, usahawan kecil pula berdepan bahan mentah yang semakin mahal hingga margin mengecil dan operasi menyusut. Nelayan kehilangan kestabilan pendapatan apabila musim, tambakan laut dan pencemaran menurunkan hasil tangkapan; namun harga jualan tidak meningkat seiring, lantas kos sara hidup	Sosial Ekonomi	Komuniti penternak, Komuniti nelayan (Unit Nelayan Kuala Jalan Baru), Belia, Komuniti usahawan	Parlimen Balik Pulau	<p>SDG 1 : Tiada Kemiskinan</p> <p>Sasaran 1.2 - Menjelang 2030, kurangkan sekurang-kurangnya separuh bahagian lelaki, wanita dan kanak-kanak dari semua peringkat umur yang hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensinya mengikut definisi nasional.</p> <p>Sasaran 1.4 - Menjelang 2030, pastikan semua lelaki dan wanita, khususnya golongan miskin dan rentan, mempunyai hak yang sama kepada sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk hartanah lain, pusaka, sumber asli, teknologi</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		<p>terus menekan isi rumah. Dalam pasaran kerja, peluang terhad memaksa graduan menerima gaji rendah, sementara pekerja tempatan bersaing dengan pekerja asing sehingga pengangguran meningkat. Pada masa yang sama, proses permohonan modal yang rumit dan syarat ketat menyukarkan peniaga kecil mendapatkan pembiayaan, justeru pertumbuhan perniagaan terbantut.</p>				<p>baharu dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, termasuk kewangan mikro.</p> <p>SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi Sasaran 8.3 - Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi.</p> <p>Sasaran 8.5 - Menjelang 2030, capai pekerjaan penuh dan produktif serta kerja yang layak untuk semua wanita dan lelaki, termasuk untuk golongan muda dan orang kelainan upaya, dan gaji sama rata bagi kerja yang sama nilai.</p> <p>Sasaran 8.6 - Menjelang 2020, mengurangkan dengan ketara</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						<p>bahagian belia yang tidak dalam pekerjaan, pendidikan atau latihan.</p> <p>SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan Sasaran 10.2 - Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan kemasukan sosial, ekonomi dan politik semua, tanpa mengira umur, jantina, kelainan upaya, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau lain-lain.</p> <p>Sasaran 10.4 - Mengguna pakai dasar, terutamanya dasar fiskal, gaji dan perlindungan sosial, dan secara progresif mencapai kesaksamaan yang lebih besar.</p>
2.	Kerapuhan jaringan perlindungan sosial di	Dalam ekosistem perlindungan sosial setempat, subsidi dan bantuan kerajaan kekal tidak memadai, termasuk subsidi	Sosial Ekonomi	Komuniti petani, Komuniti penternak,	Parlimen Balik Pulau Pusat Harian	<p>SDG 1 : Tiada Kemiskinan Sasaran 1.4 - Menjelang 2030, pastikan semua lelaki dan wanita, khususnya golongan miskin dan rentan, mempunyai hak yang sama</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
	peringkat akar umbi	diesel yang gagal menampung keperluan sebenar golongan sasar di Parlimen Balik Pulau. Warga emas kerap tercicir apabila permohonan ditolak atas anggapan “anak sebagai penyokong” tanpa penilaian sosioekonomi yang teliti. Ibu tunggal berdepan halangan berlapis terutamanya akses terhadap kepada bantuan kewangan dan peluang kerja yang setara, seterusnya menjejaskan kestabilan isi rumah. Golongan OKU masih tidak menerima sokongan menyeluruh, khususnya dari segi penempatan kerja bermaruah dan bantuan pendapatan yang konsisten. Pada masa yang sama,		Komuniti usahawan, Warga emas, Ibu tunggal, Komuniti OKU	Harapan Bakti	<p>kepada sumber ekonomi, serta akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan ke atas tanah dan bentuk hartanah lain, pusaka, sumber asli, teknologi baharu dan perkhidmatan kewangan yang sesuai, termasuk kewangan mikro.</p> <p>SDG 5 : Kesaksamaan Gender</p> <p>Sasaran 5.4 - Mengiktiraf dan menghargai penjagaan tanpa gaji dan kerja domestik melalui penyediaan perkhidmatan awam, infrastruktur dan dasar perlindungan sosial dan promosi tanggungjawab bersama dalam rumah tangga dan keluarga mengikut kesesuaian negara</p> <p>Sasaran 5.5 - Memastikan penyertaan penuh dan berkesan wanita serta peluang yang sama</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		saluran permohonan dalam talian tidak mesra pengguna, menutup akses warga emas dan pemohon berkeperluan khas. Kumulatifnya, reka bentuk bantuan yang tidak peka realiti lapangan, kriteria kelayakan yang sempit, dan halangan digital melemahkan keberkesanan jaringan perlindungan sosial.				<p>untuk kepimpinan di semua peringkat membuat keputusan dalam politik, ekonomi dan kehidupan awam.</p> <p>SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan Sasaran 10.2 - Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan kemasukan sosial, ekonomi dan politik semua, tanpa mengira umur, jantina, kelainan upaya, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau lain-lain.</p>
3.	Kerapuhan infrastruktur dan sistem sokongan sosial di balik pulau	Di Parlimen Balik Pulau, kegagalan penyelenggaraan jalan raya mengakibatkan kerosakan fizikal berpanjangan. Tambahan, kekurangan papan tanda promosi menurunkan keterlihatan Balik Pulau sebagai destinasi	Sosial	Komuniti penternak, Warga emas, Wanita, Ibu tunggal, Komuniti Pelancongan	Parlimen Balik Pulau	<p>SDG 9 : Industri, Inovasi dan Infrastruktur Sasaran 9.1 - Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan, untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		<p>pelancongan. Selain itu, pengangkutan awam kekal terhad, sekali gus menyempitkan mobiliti harian penduduk dan meningkatkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian. Dalam masa yang sama, perkhidmatan kesihatan awam tidak memadai, menyebabkan masa menunggu yang panjang, akses yang membebankan warga emas, dan kapasiti yang gagal menampung permintaan. Dari sisi perlindungan sosial, rumah perlindungan untuk mangsa keganasan rumah tangga masih tidak mencukupi, sekali gus melambatkan</p>				<p>manusia, dengan tumpuan pada akses yang berpatutan dan adil untuk semua.</p> <p>Sasaran 9.3 - Meningkatkan akses perindustrian berskala kecil dan perusahaan lain, khususnya di negara membangun, kepada perkhidmatan kewangan termasuk kredit mampu milik dan penyepaduan mereka ke dalam rantaian nilai dan pasaran.</p> <p>SDG 11 : Bandar dan Komuniti Mampan</p> <p>Sasaran 11.2 - Menjelang 2030, sediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, mampu milik, mudah diakses dan mampan untuk semua, meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan meluaskan pengangkutan awam,</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		akses mangsa kepada perlindungan serta-merta.				dengan perhatian khusus kepada keperluan mereka yang berada dalam situasi terdedah, wanita, kanak-kanak, orang kelainan upaya dan orang tua. Sasaran 11.6 - Menjelang 2030, kurangkan kesan buruk terhadap alam sekitar di petempatan per kapita, termasuk dengan memberi perhatian khusus kepada kualiti udara dan pengurusan sisa perbandaran dan lain-lain.
4.	Kerosakan ekosistem dan kemerosotan produktiviti pertanian	Aktiviti tambakan serta akuakultur yang intensif mencemarkan perairan, merosakkan ekosistem marin dan mengurangkan hasil tangkapan, lalu menekan pendapatan nelayan. Sebahagian petani sawah pula meninggalkan tanah pertanian,	Alam Sekitar Ekonomi	Komuniti nelayan, Komuniti petani (pesawah padi)	Parlimen Balik Pulau	SDG 13 : Tindakan Iklim Sasaran 13.1 – Kuatkan daya tahan dan kapasiti penyesuaian kepada bahaya berkaitan iklim dan bencana alam di semua negara. SDG 14 : Kehidupan di Air Sasaran 14.1- Menjelang 2025, mencegah dan mengurangkan dengan ketara semua jenis

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		<p>menyebabkan kawasan tersebut terdedah kepada serangan perosak berulang dan produktiviti merosot. Pada masa yang sama, kegagalan menyelenggara dan menaik taraf sistem perparitan seperti parit tersumbat, reka bentuk tidak memadai, penyelenggaraan lemah turut mencetuskan banjir kilat. Kerosotan kualiti tanah pula menuntut intervensi pemulihan, termasuk pengapuran berjadual serta pengurusan kesuburan yang lebih seimbang.</p>				<p>pencemaran marin, khususnya daripada aktiviti berasaskan darat, termasuk serpihan marin dan pencemaran nutrien.</p> <p>Sasaran 14.4- Menjelang 2020, mengawal selia secara berkesan peneaian dan menamatkan penangkapan ikan berlebihan, penangkapan ikan yang menyalahi undang-undang, tidak dilaporkan dan tidak terkawal serta amalan penangkapan ikan yang merosakkan, dan melaksanakan pelan pengurusan berasaskan sains, untuk memulihkan stok ikan sesingkat mungkin, pada sekurang-kurangnya ke tahap yang boleh menghasilkan hasil mampan maksimum seperti yang ditentukan oleh ciri biologinya.</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						<p>SDG 15: Kehidupan di Darat</p> <p>Sasaran 15.2- Menjelang 2020, menggalakkan pelaksanaan pengurusan lestari semua jenis hutan, menghentikan penebangan hutan, memulihkan hutan yang rosak dan meningkatkan penghutanan dan penghutanan semula dengan ketara secara global.</p> <p>Sasaran 15.3- Menjelang 2030, memerangi penggurunan, memulihkan tanah dan tanah yang terdegradasi, termasuk tanah yang terjejas oleh penggurunan, kemarau dan banjir, dan berusaha untuk mencapai dunia yang neutral degradasi tanah.</p>
5.	Cabaran sosial dan kesejahteraan	Gejala sosial kian meningkat di Balik Pulau termasuklah aktiviti lumba haram, penagihan dadah,	Sosial	Belia, Warga emas,	Parlimen Balik Pulau	<p>SDG 3 : Kesihatan dan Kesejahteraan</p> <p>Sasaran 3.4- Menjelang 2030, kurangkan sebanyak satu pertiga</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
	komuniti terpinggir	penyalahgunaan ketum serta penipuan digital oleh <i>scammer</i> yang menjejaskan keselamatan komuniti dan kesejahteraan isi rumah. Seterusnya, warga emas berdepan kemurungan dan pengabaian. Di samping itu, penyertaan wanita dalam kepimpinan kekal rendah, lalu mengehendkan representasi dan pengaruh mereka dalam proses membuat keputusan. Pada masa yang sama, OKU terus berdepan stigma dan kekurangan peluang kerja bermaruah, sekali gus mengehendkan penyertaan ekonomi. Akhirnya, kekurangan pusat jagaan mampu milik untuk ibu tunggal dan kanak-kanak		Komuniti OKU, Ibu tunggal		<p>kematian pramatang daripada penyakit tidak berjangkit melalui pencegahan dan rawatan serta menggalakkan kesihatan mental dan kesejahteraan.</p> <p>Sasaran 3.5 - Kuatkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan penggunaan alkohol yang berbahaya.</p> <p>SDG 16 : Keamanan dan Keadilan Sasaran 16.1 - Mengurangkan dengan ketara semua bentuk keganasan dan kadar kematian berkaitan di mana-mana.</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		istimewa mengekang penyertaan kerja dan kestabilan pendapatan.				
6.	Kelemahan pembangunan pelancongan dan sektor pertanian	Tahap mempromosikan durian Balik Pulau masih tidak berkesan dengan penjenamaan yang lemah berbanding Bentong terus merendahkan keterlihatan produk. Malahan, penumpuan pelancongan di Georgetown mengalihkan pelaburan dan aliran pelawat ke pusat bandar, lalu Balik Pulau terpinggir daripada pembangunan. Di samping itu, proses pelesenan <i>homestay</i> yang rumit melambatkan kemasukan pemain baharu dan menghadkan bekalan penginapan berlesen. Pada masa yang sama, kekangan	Sosial Ekonomi	Komuniti petani (pengusaha kebun durian), Komuniti pengusaha eko-pelancongan dan Pengusaha <i>homestay</i>	Parlimen Balik Pulau	<p>SDG 8 : Pekerjaan dan Pertumbuhan Ekonomi Sasaran 8.9 - Menjelang 2030, susun dan laksanakan dasar untuk mempromosikan pelancongan mampan yang mencipta pekerjaan dan mempromosikan budaya dan produk tempatan.</p> <p>SDG 12 : Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab Sasaran 12.2 - Menjelang 2030, capai pengurusan yang mampan dan penggunaan sumber asli yang cekap.</p> <p>Sasaran 12.5 - Menjelang 2030, mengurangkan penjejakan sisa dengan ketara melalui pencegahan,</p>

NO	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
		<p>kewangan dalam pengurusan tapak pelancongan mengekang penyelenggaraan, pemasaran, dan pengayaan produk. Akibatnya, rangkaian nilai pelancongan Balik Pulau daripada tarikan durian hingga penginapan komuniti ketinggalan dari segi daya saing serantau.</p>				<p>pengurangan, kitar semula dan penggunaan semula.</p>

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Komuniti Penternak Tarikh: 22 Februari 2025 Bilangan peserta: 12 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam satu kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang Pegawai Daerah
1.	Peningkatan kos dan ketidaktentuan dalam industri penternakan	<p>Penternak menanggung kenaikan kos makanan ternakan yang berterusan. Harga pelet naik hampir setiap dua bulan sebanyak RM2–RM3. Tambahan, kerajaan mengawal harga daging tetapi tidak mengawal harga makanan, sementara tiada subsidi dan kebergantungan tinggi pada jagung import (~80%) menaikkan lagi kos.</p> <p>Kenaikan harga diesel melonjakkan kos logistik penternak di samping kos makanan. Akibatnya, keseluruhan kos operasi meningkat, sama ada penternak menanam sendiri atau membeli makanan.</p> <p>Subsidi yang diterima oleh penternak tidak mencukupi berbanding kos operasi sebenar, menyebabkan beban kewangan yang ketara.</p>	<p>Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang – Jawapan bertulis</p> <p><i>Kos Operasi Tinggi / Kenaikan Harga Makanan Ternakan / Kenaikan Harga Rumput</i></p> <p>Salah satu cabaran kepada penternak ruminan di Malaysia adalah perlu menanggung kos harga dedak komersial yang semakin meningkat. Untuk makluman, hampir 70% kos pengeluaran ternakan adalah merupakan kos makanan ternakan.</p> <p>Harga dedak komersial bagi ternakan ruminan di Malaysia meningkat adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Kos bahan mentah: Dedak komersial seringkali mengandungi campuran bahan-bahan seperti jagung, soya, bijirin, dan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>bahan tambahan lain yang perlu diimport. Sebilangan bahan mentah ini mempunyai harga yang tinggi, terutama jika perlu diimport dari negara lain, dan faktor ini turut memberi kesan kepada kos keseluruhan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kos pengangkutan dan logistik: Pengangkutan bahan mentah dan produk siap ke ladang-ladang ruminan di pelbagai kawasan mempengaruhi harga dedak. • Kos pengeluaran dan pemprosesan: Dedak komersial memerlukan proses pengeluaran yang teliti. Ia melalui beberapa tahap pemprosesan termasuk penggilingan, pencampuran bahan, dan pengemasan, yang memerlukan tenaga kerja dan teknologi. Kos-kos ini akan ditambahkan ke dalam harga jualan. • Permintaan yang tinggi: Permintaan terhadap dedak komersial di kalangan penternak ruminan boleh mendorong harga dedak meningkat. Selain itu, jika bekalan dedak tidak mencukupi atau jika

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>ada masalah dalam pengeluaran, harga juga boleh meningkat.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kadar inflasi dan perubahan mata wang: Fluktuasi harga mata wang (seperti nilai Ringgit Malaysia berbanding Dolar AS) boleh mempengaruhi harga bahan mentah yang diimport. Kenaikan harga bahan mentah asing atau kadar inflasi boleh meningkatkan kos pengeluaran dan akhirnya, harga dedak. <p>Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang sangat prihatin dan memandang serius mengenai isu makanan ternakan. Jabatan sangat menggalakkan penternak untuk menanam sendiri rumput dengan menyediakan bantuan pakej penanaman rumput homeplot (napier) termasuklah penambakan tanah, pengemburan tanah, pembajaan tanah, penanaman rumput, sistem sprinkler dan pam air serta pemagaran. Mana - mana penternak ruminan yang mempunyai kawasan tanah yang bersesuaian untuk penanaman rumput bolehlah mengisi borang permohonan bantuan yang boleh</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>diperoleh melalui sistem eVetPG Jabatan yang dibuka pada setiap tahun.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Terdapat beberapa alternatif makanan ternakan ruminan yang boleh digunakan sebagai pengganti atau campuran kepada dedak komersial. Penggunaan bahan-bahan ini perlu disesuaikan mengikut keperluan nutrisi ternakan serta ketersediaan bahan-bahan tersebut di kawasan sekitar. Pemilihan makanan yang betul akan memastikan ternakan mendapat sumber makanan yang mencukupi dan seimbang. Berikut adalah beberapa cadangan makanan ternakan ruminan yang lain. • Rumput Napier adalah salah satu makanan ternakan yang mudah ditanam dan mempunyai kandungan serat yang tinggi. Ia boleh memberikan nutrien yang baik untuk ternakan ruminan seperti lembu dan kambing. • Silaj adalah rumput atau tanaman yang ditapai untuk menjadikannya sumber makanan yang lebih tahan lama. Ia boleh

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>dihasilkan daripada rumput, jagung, atau tanaman lain. Silaj adalah pilihan baik untuk menambah sumber makanan pada musim kemarau atau ketika rumput segar tidak mencukupi.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Fodder (Hay) atau jerami kering adalah makanan yang biasa digunakan untuk ternakan ruminan. Ia boleh diperolehi dari rumput, padi, atau tanaman lain yang dikeringkan. • Kacang soya yang telah diproses boleh menjadi sumber protein yang baik untuk ternakan ruminan. Selain itu, kacang soya juga kaya dengan asid amino penting yang diperlukan oleh haiwan. • Tanaman legum seperti kacang hijau, kacang tanah, dan alfalfa adalah sumber protein yang sangat baik untuk ternakan ruminan. Legum juga mengandungi banyak serat dan boleh digunakan untuk menggantikan dedak. • Daun dan batang pisang boleh dijadikan alternatif makanan ruminan kerana mengandungi serat yang baik dan boleh

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>digunakan sebagai pelengkap kepada makanan utama ternakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Batang jagung bukan sahaja boleh digunakan untuk penghasilan silaj, tetapi bijinya juga boleh digunakan untuk memberi sumber tenaga kepada ternakan. • Pelepah kelapa sawit boleh digunakan sebagai bahan makanan alternatif kerana ia mengandungi serat yang tinggi. Namun, ia perlu diproses terlebih dahulu dengan cara memotong supaya lebih mudah dicerna oleh ternakan. • Tebu adalah sumber makanan alternatif yang kaya dengan gula dan tenaga. Ia boleh digunakan untuk memberi tenaga tambahan kepada ternakan, terutama dalam musim kering. • Buah-buahan dan sayur-sayuran tidak boleh dimakan oleh manusia, seperti kulit pisang, kelapa dan sebagainya boleh digunakan untuk memberi tenaga tambahan kepada ternakan ruminan. Begitu juga dengan sisa sayur-sayuran.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<ul style="list-style-type: none"> Sisa Makanan terutamanya dari industri makanan, boleh dimanfaatkan sebagai makanan ternakan ruminan jika diproses dengan betul.
		<p>Penternak bergantung pada lonjakan permintaan semasa musim Raya Korban untuk menampung kos, sebaliknya di luar musim, jualan merosot hingga operasi terasa “teruk”.</p>	<p>Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang – Jawapan bertulis</p> <p>Penternak perlu mengenalpasti keupayaan pemasaran berdasarkan permintaan kawasan setempat serta keperluan tempatan. Kapasiti penternakan perlu disesuaikan dengan permintaan tersebut. Penternak boleh berurusan dengan agensi berkaitan pemasaran seperti FAMA untuk memperluaskan potensi pemasaran memandangkan FAMA telah memperluaskan skop bidang pemasaran yang dilaksanakan oleh agensi berkenaan.</p> <p>Selain itu, Jabatan menggalakkan penternak untuk melihat potensi industri hiliran yang boleh diceburi bagi menyediakan kepelbagaian produk yang dapat ditawarkan kepada pengguna.</p>
		<p>Penurunan harga daging sehingga RM20–RM25/kg, menyebabkan penternak menanggung kos input yang mahal sementara harga jualan merosot.</p>	<p>Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang – Jawapan bertulis</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Dimaklumkan bahawa terdapat lambakan ternakan di Thailand kerana kekurangan permintaan pada bahagian Selatan dan tawaran diberikan kepada sebelah Utara (Malaysia). Kes penyeludupan ternakan ruminan dari Negara Thailand ke dalam Negara Malaysia memberi kesan yang sangat negatif kepada penternak tempatan, menimbulkan persaingan yang tidak sihat, merugikan ekonomi serta merosakkan industri ternakan tempatan selain membawa risiko besar terhadap kesihatan awam dan keselamatan makanan. Dengan itu, sempadan negara hendaklah dikawal dengan ketat agar penyeludupan ini dapat ditumpaskan (bidang kuasa Agensi Kawalan Sempadan Malaysia / MAQIS).</p> <p>Hal ini memberi tekanan kepada penternak dari segi harga, kerana ternakan yang diseludup dijual pada harga yang lebih rendah iaitu sekitar RM20.00 – RM25.00 sekilogram berbanding harga pasaran tempatan semasa sekitar RM40.00 – RM45.00 sekilogram. Sekiranya kemasukan dengan prosedur yang betul, penjualan dengan</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>harga murah tersebut dilakukan oleh kebanyakannya trader yang membawa masuk sendiri ternakan daripada Negara Thailand dan terus disembelih dan dijual. Kebanyakan penternak / penjual daging merupakan pihak ketiga yang mendapatkan bekalan ternakan daripada trader. Oleh sebab harga yang diperolehi rendah, maka ditawarkan harga runcit juga rendah.</p> <p>Kawalan harga dilaksanakan oleh KPDNHEP namun tertakluk kepada harga maksimum musim perayaan sahaja dalam tempoh masa tertentu (7-14 hari). Sekiranya penjual menawarkan harga yang rendah daripada kawalan harga maksimum, maka tidak ada perundangan yang boleh menghalang perkara tersebut. Pihak Jabatan sentiasa mengesyorkan harga kawalan yang ingin ditetapkan mengikut kos operasi semasa yang ditanggung oleh penternak dan tidak dipengaruhi oleh situasi semasa.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Kekurangan subsidi dan kos diesel yang tinggi	<p>Subsidi diesel RM200 sebulan gagal menampung realiti kos penternak yang menanggung perbelanjaan operasi melebihi RM1,000 setiap bulan, terutama selepas subsidi diesel dihentikan. Peralatan dan kenderaan bergantung kepada diesel, manakala penggunaan naik turun mengikut skala ternakan dan cuaca. Akibatnya, jurang antara bantuan dan kos sebenar terus melebar, menekan kelangsungan operasi penternak.</p> <p>Pemberian subsidi diesel tidak menyeluruh, malahan permohonan khusus seperti untuk lori turut ditolak</p>	<p>Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang – Jawapan bertulis</p> <p><i>Subsidi Tidak Mencukupi / Kebergantungan Kepada Diesel Dalam Operasi</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Penternak yang ingin memohon mendapatkan bantuan subsidi diesel hendaklah ke Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah yang berdekatan bagi melaksanakan pendaftaran Budi Agri Komoditi kerana penternak perlu mendapat pengesahan daripada Jabatan sebelum pengesahan di dalam sistem. • Pemberian kuota diesel sebenarnya mengikut kenderaan yang berdaftar di atas nama syarikat. Sekiranya dapat dibuktikan syarikat tersebut mempunyai banyak aset yang menggunakan diesel untuk beroperasi, maka dipertimbangkan mengikut keperluan tersebut. Sekiranya kelulusan yang diberikan masih belum mencukupi, kebiasaan pemohon akan mengemukakan permohonan rayuan bagi pertambahan kuota diesel mengikut

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>operasi sebenar yang akan disahkan oleh agensi berkaitan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sekiranya penternak berdaftar secara individu, maka kouta diesel yang diberikan berdasarkan penggunaan individu seperti pemilik kenderaan diesel yang lain.
3.	Persaingan daging import dan kualiti daging	Penternak tempatan berdepan persaingan harga dengan daging import yang lebih murah. walaupun kualiti daging import kurang memuaskan.	<p>Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang – Jawapan bertulis</p> <ul style="list-style-type: none"> • Permohonan kemasukan ternakan import / daging import diuruskan oleh MAQIS. Penternak harus bersaing secara sihat dalam memenuhi permintaan pasaran. Pihak Kerajaan tidak mempunyai hak untuk menyekat kebebasan perniagaan dan pihak penternak seharusnya berdaya saing dalam pasaran terbuka ini dengan memperbanyakkan jualan pada waktu lain dan tidak tertumpu kepada tujuan korban sahaja. • Pihak Jabatan terbuka untuk menyediakan program latihan pengurusan, pemasaran dan rancangan perniagaan kepada penternak sekiranya berkeperluan bagi merancang perniagaan dengan lebih baik

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>dan meneroka bidang pasaran yang lebih luas.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penerokaan sektor Industri Asas Ternakan (IATn) juga adalah digalakkan memandangkan kekangan serta persaingan guna tanah menjadi penghalang utama bagi sektor penternakan di Negeri ini. Peluang Pulau Pinang sebagai Negeri yang mempunyai hub dan jaringan pengangkutan yang menyeluruh seperti pengangkutan darat, laut dan udara perlu dimanfaatkan sepenuhnya bagi meneroka industri hiliran yang jauh bernilai tinggi. Banyak agensi Kerajaan yang menawarkan perkhidmatan nasihat dan bimbingan serta geran sokongan bagi mereka yang menceburi bidang IATn termasuklah Pihak JPV.
		<p>Kualiti daging import menjadi keraguan apabila tahap keselamatan dan kandungan residu antibiotik tidak dapat dipastikan secara telus</p>	<p>Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang – Jawapan bertulis</p> <p>Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) sentiasa mengawasi dan mengawal kemasukan produk haiwan dari luar negara.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Sebelum kebenaran import dikeluarkan, beberapa langkah penting telah diambil:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pematuhan kepada Syarat Import: Pengimport perlu memastikan bahawa daging yang akan diimport memenuhi syarat-syarat kesihatan yang ditetapkan oleh Malaysia. Ini termasuk memastikan bahawa produk daging bebas daripada penyakit berbahaya seperti Foot-and-Mouth Disease (FMD), dan negara pengeluar harus memenuhi standard keselamatan makanan yang ditetapkan. • Pemeriksaan di Loji Pemprosesan: Sebelum kebenaran import diberikan, auditor yang dilantik oleh pihak berkuasa Malaysia akan membuat pemeriksaan menyeluruh di loji pemprosesan di negara pengeluar. Pemeriksaan ini bertujuan untuk memastikan bahawa loji pemprosesan mematuhi semua piawaian kebersihan dan keselamatan yang ditetapkan. • Pengeluaran Sijil Kesihatan: Negara pengeluar akan mengeluarkan sijil kesihatan untuk produk daging tersebut.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Sijil ini diperlukan bagi memastikan produk tersebut bebas daripada penyakit dan selamat untuk dimakan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemeriksaan di Pintu Masuk: Setelah daging tiba di Malaysia, pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) akan memeriksa setiap penghantaran untuk memastikan bahawa produk yang dibawa masuk adalah sah dan mematuhi segala peraturan. Jika daging tersebut tidak memenuhi syarat, ia akan ditolak atau dimusnahkan. <p>Dengan langkah-langkah ketat ini, Malaysia berusaha memastikan bahawa hanya daging yang selamat dan berkualiti sahaja yang dibenarkan untuk masuk ke negara ini, sekaligus mengurangkan risiko penyebaran penyakit seperti FMD.</p> <p>Namun, penyeludupan lembu dari negara jiran ke Malaysia adalah satu isu yang amat membimbangkan dalam aspek kesihatan ternakan yang boleh menyebabkan penyebaran penyakit</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>berjangkit seterusnya membawa mudarat kepada industri ternakan dalam negara.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, pengawasan barang dan haiwan dari pintu masuk luar negara, termasuk ternakan seperti lembu adalah dibawah kuasa dan pengawasan pihak MAQIS / Agensi Kawalan Sempadan Malaysia dan DVS akan mengawal pemindahan ternakan dalam negara melalui sistem EvetPermit. Pihak DVS akan memastikan ternakan yang bergerak dari satu negeri ke negeri lain atau dari ladang ke ladang lain memenuhi syarat-syarat pindah ternakan dan bebas dari penyakit berjangkit melalui ujian yang dijalankan.</p> <p>Mana - mana individu yang ditahan sewaktu mengangkut ternakan tanpa mempunyai kebenaran yang sah oleh Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri, maka tindakan merampas ternakan serta menyita kenderaan boleh dikenakan terhadap individu tersebut. Kesalahan yang dilakukan boleh dikenakan denda/kompaun. Manakala, ternakan dan kenderaan yang dirampas</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>boleh dilucuthakkan mengikut budi bicara Mahkamah untuk memutuskan.</p> <p>Sekiranya ternakan telah berada di kandang penternak, maka Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan melaksanakan kawalan terhadap aktiviti penyembelihan seperti yang digariskan di bawah Kaedah - Kaedah Binatang (Kawalan Penyembelihan 2009).</p>
4.	Kekurangan infrastruktur penyembelihan dan isu keselamatan makanan	<p>Ketiadaan Pusat Sembelihan di Daerah Barat Daya dan memaksa sebahagian pihak menyembelih secara tidak rasmi.</p> <p>Penternak terpaksa menghantar ternakan ke Timur Laut yang jauh, menyebabkan kesesakan, kos tinggi, dan daging kurang segar.</p>	<p>Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang – Jawapan bertulis</p> <p>Perkara ini pernah dibangkitkan melalui Sesi Townhall YB. Tuan Fahmi Bin Zainol, EXCO Agroteknologi, Keterjaminan Makanan & Pembangunan Koperasi Pulau Pinang Bersama Penternak Di Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) pada 24 Jun 2024. Turut hadir bersama dalam sesi ini adalah Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia serta Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang. Ketika ini, terdapat empat (4) buah Rumah Sembelih Berlesen iaitu tiga (3) di Seberang Perai (termasuk Rumah Sembelih Ruminan JPV, Bukit Tengah) dan satu (1) di bahagian Pulau (Rumah Sembelihan Ruminan,</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>MBPP, Sungai Pinang). Ketika ini, tiada cadangan bagi Rumah Sembelih Ruminan di Daerah Barat Daya oleh Pihak Kerajaan (Persekutuan atau PBT – tiada RS milik Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri). Hal ini kerana ianya melibatkan peruntukan pembangunan bagi pembinaan rumah sembelih berkenaan serta sumber tenaga kerja yang diperlukan untuk operasi rumah sembelih berkenaan.</p> <p>Pihak JPVPP mengalu-alukan cadangan pembinaan rumah sembelihan daripada pihak penternak / swasta dan akan berusaha untuk membantu bagi membolehkan rumah sembelihan tersebut dapat dilesenkan. Terdapat beberapa permohonan dikemukakan oleh penternak / pihak swasta bagi Rumah Sembelih Ruminan Swasta ini namun tidak diluluskan memandangkan syarat yang ditetapkan bagi Rumah Sembelih Swasta Berlesen perlu mempunyai kelulusan Kebenaran Merancang (KM) daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkaitan.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Pihak JPVPP telah berusaha untuk mencadangkan agar Permohonan Rumah Sembelih Ruminan dikecualikan Kebenaran Merancang (KM) memandangkan jumlah penyembelihan dalam kuantiti yang kecil jika dibandingkan dengan Rumah Sembelih Babi namun tidak dapat dipertimbangkan dan dipohon untuk mengikut prosedur seperti permohonan Rumah Sembelih Babi. Walau bagaimanapun, Pihak Jabatan sentiasa memanjangkan permohonan Rumah Sembelihan Ruminan Swasta yang mematuhi keperluan DVS kepada Pihak YB. EXCO untuk mendapatkan sokongan bagi pelaksanaan berkenaan.</p> <p>Terdapat cadangan untuk menambahbaik syarat yang telah ditetapkan iaitu permohonan Rumah Sembelih Swasta ini mempunyai Kebenaran Merancang (KM) atau Lesen Operasi Premis daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan untuk dipertimbangkan RS berkenaan dan perkara ini akan dibawa di Peringkat DVS Putrajaya untuk diperhalusi.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Terdapat penyembelihan haram oleh warga asing di Sungai Burong.	<p>Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang – Jawapan bertulis</p> <p>Pemantauan berterusan masih dilakukan di kawasan DBD dan tindakan telah pun dipertingkatkan di kawasan Sungai Burong bagi mengenal pasti lokasi sebenar penyembelihan haram dilakukan.</p> <p>2.Pihak Jabatan menyeru kerjasama daripada semua pihak untuk melaporkan kepada Bahagian Penguatkuasa, Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang sekiranya mempunyai maklumat mengenai aktiviti penyembelihan haram terutamanya melibatkan warga asing ini. Maklumat yang dikemukakan perlulah lengkap bagi membolehkan tindakan sewajarnya dapat diambil oleh Pihak Jabatan. Antara maklumat yang diperlukan ; tarikh dan masa kejadian berlaku, masa kebiasaan penyembelihan dilakukan, lokasi penyembelihan dilakukan dan disertakan video atau gambar bagi membuktikan aktiviti tersebut berlaku.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Keterbatasan dalam penggunaan tanah terbiar untuk penternakan	<p>Kesukaran menggunakan tanah terbiar untuk menggunakan tanah tersebut untuk penanaman silaj.</p> <p>Walaupun penternak telah menghubungi Pejabat Tanah untuk permohonan menggunakan tanah, mereka tidak menerima sebarang maklum balas.</p>	<p>Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang – Jawapan bertulis</p> <p>Pihak JPVPP bersama Pejabat YB EXCO serta PDTDBD pernah beberapa kali menjalankan kerjasama bagi mencari kawasan tanah Kerajaan yang bersesuaian untuk dijadikan kawasan penternakan ruminan namun kekangan topografi dan kawasan yang tidak bersesuaian menyukarkan pelaksanaan tersebut. Kebanyakan kawasan yang bersesuaian dengan penternakan terletak di atas rizab sungai yang mempunyai kepentingan di bawah agensi berkaitan (JPS).</p> <p>Pegawai Daerah</p> <p>Isu keterbatasan dalam penggunaan tanah terbiar untuk penternakan bukan sahaja berkait dengan penternak di daerah Barat Daya sahaja, tetapi juga melibatkan mereka di daerah Timur Laut, menunjukkan skop isu ini lebih luas dan melibatkan lebih ramai penternak.</p> <p>Daerah Barat Daya dikenal pasti sebagai kawasan yang sesuai untuk menempatkan aktiviti penternakan secara terancang. Ini kerana di daerah Timur Laut, penternakan tidak dibenarkan</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>disebabkan kawasan itu sudah sesak dengan perumahan dan aktiviti penternakan boleh menimbulkan gangguan seperti bau, bunyi atau pencemaran.</p> <p>Isu ini telah dibawa ke peringkat EXCO negeri dan penyelarasan utama dibuat oleh Jabatan Veterinar. Sebuah jawatankuasa atau komuniti antara agensi (multi-agency committee) telah dibentuk dan dianggotai oleh jabatan-jabatan seperti Pejabat Tanah. Jawatankuasa ini masih berfungsi dan sedang mengadakan perbincangan berterusan untuk mencari penyelesaian yang sesuai bagi isu-isu yang dihadapi penternak.</p> <p>Pegawai Daerah mencadangkan bahawa Jabatan Veterinar sebagai urus setia sepatutnya lebih proaktif berhubung dan memberi maklumat terkini kepada penternak. Mungkin juga penternak ini mempunyai persatuan yang sepatutnya boleh menjadi saluran rasmi untuk komunikasi dua hala.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
6.	Kesukaran mendapatkan lesen PBT	<p>Penternak menghadapi kesukaran mendapatkan lesen PBT kerana prosesnya rumit dan memakan masa.</p> <p>Kesukaran memperoleh lesen PBT menyebabkan ramai beroperasi tanpa pendaftaran rasmi, sekali gus menyukarkan penternak mendapat bantuan kerajaan.</p> <p>Zon perumahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan menyukarkan kelulusan bagi operasi penternakan.</p>	<p>Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang – Jawapan bertulis</p> <p>Penternak yang baru mula menternak sangatlah dialu – alukan untuk mendaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang untuk mendapatkan ID Premis. Tujuan pendaftaran ID Premis di bawah Jabatan ini adalah untuk memastikan kawalan yang lebih berkesan dalam bidang pengurusan haiwan, kawalan penyakit dan keselamatan makanan di samping memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa veterinar. Manakala lesen bukan di bawah bidang kuasa Jabatan ini, ianya di bawah kawalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).</p> <p>Syarat bagi permohonan bantuan Jabatan adalah keperluan lesen PBT untuk permohonan bantuan kandang ruminan dan baka ternakan ruminan di daerah Seberang Perai sahaja manakala daerah DBD adalah dikecualikan. Ini adalah kerana kuota bantuan tersebut adalah terhad dan kebanyakan penternak yang memohon bantuan di daerah Seberang Perai mempunyai lesen PBT berbanding dengan daerah DBD di samping persaingan tanah</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>yang tinggi di daerah DBD. Oleh itu, kriteria lesen PBT adalah diutamakan di daerah Seberang Perai kecuali daerah DBD.</p> <p>Bagi bantuan seperti mesin dan peralatan ruminan, penanaman rumput, naiktaraf premis usahawan, mesin dan peralatan usahawan, pembungkusan dan pelabelan usahawan, naiktaraf kandang aneka haiwan dan unggas, mesin dan peralatan aneka haiwan dan unggas beserta baka aneka haiwan tidak dikenakan syarat lesen PBT.</p>

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 2

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 2: Dialog Bersama Komuniti Nelayan Pantai Tarikh: 22 Februari 2025 Bilangan peserta: 8 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam satu kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> LKIM / Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan Pegawai Daerah
1.	Ketidakstabilan pendapatan nelayan	Pendapatan nelayan bergantung langsung pada jendela cuaca untuk turun ke laut. Namun kini, pola monsun yang kian tidak menentu berbanding sedekad lalu menyukarkan nelayan meramal waktu selamat dan berbaloi untuk menangkap ikan.	LKIM / Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan Isu ini diyakini sahih kerana nelayan bergantung sepenuhnya kepada keadaan cuaca. Cadangan penyelesaian: <ul style="list-style-type: none"> Nelayan disaran gunakan masa tengkujuh untuk: Menyediakan dan membaiki pukut tangkapan Menceburi aktiviti alternatif seperti penternakan dan pertanian
2.	Pencemaran dan gangguan ekosistem persisir pantai menjejaskan hasil nelayan	Penerokaan bakau untuk kolam akuakultur dan aktiviti korek pasir mencemarkan pesisir. Manakala, selut mengeruhkan air, mengotorkan serta merosakkan pukut. Kesannya, habitat pesisir rosak, stok ikan menjauh dan hasil tangkapan merosot. Penebangan bakau di rizab sungai serta aktiviti mencuci kolam menggunakan bahan kimia oleh pengusaha kolam telah mencetuskan kekeruhan air dan degradasi	LKIM / Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan Masalah pencemaran akibat pembangunan dibangkitkan dalam mesyuarat unit nelayan Kuala Jalan Baru dan Kuala Sungai Pinang. Aduan telah dimajukan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS). Status semasa adalah masih menunggu maklum balas rasmi. Agensi turut menyatakan

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>ekosistem. Stok ikan pesisir surut serta menjauh, menyebabkan nelayan menanggung kos penyelenggaraan alat yang meningkat.</p> <p>Komuniti nelayan mempersoalkan kredibiliti agensi bertanggungjawab dalam meluluskan projek ini walaupun komuniti nelayan ada menyatakan pandangan mengenai impak negatif yang diterima oleh mereka.</p>	<p>bahawa nelayan di kawasan terbabit memang terkesan secara langsung, kesan daripada pembangunan yang dibangkitkan.</p>
3.	Konflik projek penambakan laut dan pengambilan pasir mencetus kekeruhan	<p>Nelayan mempersoal agihan pampasan yang hanya meliputi nelayan di unit Pulau Betung dan Sungai Burung sahaja. Manakala Unit Nelayan Kuala Jalan Baru dan Kuala Sungai Pinang tidak menerima sebarang pampasan walaupun berada di kawasan yang sama terjejas, kerana unit mereka dikatakan berada "di luar radius pampasan." Nelayan menuntut semakan semula senarai penerima dan penilaian lapangan untuk memastikan keadilan.</p> <p>Kesan daripada projek tambakan tersebut adalah gangguan ekosistem, menyebabkan ikan lari dan pukat menjadi kotor. Malahan, hasil tangkapan merosot berbanding 5 tahun dahulu.</p>	<p>LKIM / Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan</p> <p>Nelayan Kuala Jalan Baru tidak menerima pampasan kerana tidak termasuk dalam radius projek. Hanya Unit Nelayan di Pulau Betong menerima pampasan.</p> <p>Tindakan telah diambil:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Persatuan telah menghantar rayuan kepada kerajaan negeri. Namun, tiga kawasan masih tidak menerima pampasan. • Cadangan: menaikkan tahap nelayan Kuala Jalan Baru dan Sungai Pinang ke

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Nelayan turut menegaskan elemen ketidaktelusan ketika proses pengambilan pasir dijalankan apabila maklumat dan persetujuan nelayan telah dimanipulasi.	<p>Tahap 2 supaya layak menerima pampasan.</p> <p>Pegawai Daerah Pegawai Daerah telah mengesahkan keputusan telah dibuat oleh pihak MLK (autoriti projek).</p> <p>Cadangan : LKIM perlu mendapatkan keputusan rasmi daripada pelaksana projek atau JUPEN (Unit Perancang Ekonomi Negeri), bukan hanya bergantung pada makluman lisan atau rayuan.</p>
4.	Kenaikan kos operasi dan harga jualan tidak berubah	<p>Kos input meningkat secara mendadak antara dua hingga tiga kali ganda</p> <p>Harga jualan statik dan tidak mampu menampung kos sara hidup</p> <p>Memberi kesan kepada kelangsungan nelayan yang sentiasa berhutang dan tiada kemampuan membeli peralatan baharu.</p>	<p>LKIM / Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan</p> <p>LKIM ada menyediakan subsidi petrol kepada nelayan. Pihak agensi turut menyatakan bahawa hasil tangkapan ada yang dijual ke pasar nelayan Sungai Pinang atau dijual sendiri oleh nelayan. Harga jualan tidak dikawal dan bergantung kepada turun naik pasaran. Tambahan, kos peralatan menangkap ikan turut meningkat, memberi tekanan kepada pendapatan nelayan.</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Persaingan ekonomi antara nelayan tempatan dan nelayan warga asing	<p>Berlakunya persaingan operasi dan konflik di laut antara nelayan tempatan dan nelayan warga asing</p> <p>Terdapat keraguan terhadap status dokumen dan sokongan lesen terhadap nelayan warga asing</p>	<p>LKIM / Persatuan Nelayan Pulau Pinang Selatan</p> <p>Agensi mengesahkan dan mengakui isu ini di mana nelayan warga asing yang beroperasi tanpa lesen di kawasan Teluk Kumbar.</p> <p>Jabatan Perikanan</p> <p>Mereka(merujuk kepada nelayan warga asing) bukan warganegara penuh Malaysia, tetapi mempunyai dokumen pengenalan khas (IC kod 02) yang biasanya merujuk kepada status pemastautin atau pelarian berdaftar.</p> <p>Mereka dianggap sah dari segi identiti dokumen dalam Malaysia, tetapi kerana mereka bukan warganegara penuh, mereka tidak diberikan lesen menangkap ikan. Tambahan, nelayan tempatan sendiri membantah kehadiran dan pengoperasian mereka.</p> <p>Aktiviti mereka diakui sebagai salah (tidak sah). Namun, selagi tidak melanggar syarat dari segi peralatan, pihak jabatan kadang kala tidak mengambil tindakan langsung.</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Anggaran permohonan lesen daripada kumpulan ini telah mencecah lebih 60 permohonan, yang dihantar ke Putrajaya melalui ketua komuniti mereka sendiri dan semua permohonan telah ditolak.

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog Bersama Komuniti Belia Tarikh: 22 Februari 2025 Bilangan peserta: 6 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam satu kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. Polis Diraja Malaysia (PDRM) 2. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) 3. PWDC (Penang Women's Development Corporation)
1.	Pasaran kerja terhad dan tidak seimbang menyempitkan peluang belia di Balik Pulau	<p>Belia di Balik Pulau berdepan kekurangan peluang pekerjaan tempatan yang sesuai. Majoriti pekerjaan hanya tertumpu dalam sektor tradisional seperti pertanian, perniagaan kecil-kecilan dan nelayan, manakala pekerjaan pejabat atau sektor profesional sangat terhad. Oleh itu, ramai belia terpaksa berpindah ke kawasan lain seperti Bayan Lepas untuk bekerja di kilang</p> <p>Struktur upah yang rata dan laluan progresi kerjaya yang sempit menolak graduan ke peranan operator, walaupun kelayakan mereka lebih tinggi. Ketidakpadanan kerja-kelayakan (underemployment) bersama stagnasi upah menekan belia.</p> <p>Terdapat persaingan pekerjaan antara warga tempatan dengan pekerja asing apabila pekerja asing sanggup menerima pada yang lebih rendah sekaligus menjadi pilihan majikan.</p>	<p>* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i></p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Ketidacelikan kewangan yang menjerumuskan belia ke dalam perangkap hutang tidak formal.	<p>Kebanyakan belia tidak mempunyai ilmu pengurusan kewangan yang baik. Mereka cenderung membuat pembelian impulsif, terpengaruh oleh diskaun dalam talian, promosi “double date” (11.11, 9.9) dan pengaruh influencer di media sosial.</p> <p>Belia berbelanja tanpa kawalan di platform e-dagang dan apabila gagal bayar, mereka meminjam daripada Ah Long dan terjat dalam kitaran hutang. Di Bayan Lepas, termasuk pelajar Tingkatan Enam, dianggarkan 10-20 kes.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
3.	Gejala sosial menggugat kemaslahatan dan keharmonian masyarakat.	Kewujudan aktiviti rempit yang berterusan dan tiada jalan penyelesaian	<p>Polis Diraja Malaysia (PDRM)</p> <p>Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) memaklumkan bahawa dari tempoh Januari hingga Mac tahun ini, sebanyak 16 operasi telah dijalankan berkaitan kegiatan lumba haram di sekitar Balik Pulau. Hasil daripada operasi tersebut, 21 individu telah berjaya ditangkap, terdiri daripada 18 pemuda Melayu dan 2 pemuda Cina. Dari segi umur, seramai 17 orang berumur antara 14 hingga 18 tahun, manakala 3 orang lagi berumur antara 19 hingga 30 tahun. Kebanyakan orang yang ditangkap adalah belia yang tidak mempunyai pekerjaan tetap.</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Kegiatan lumba haram ini dikenal pasti berlaku pada malam Jumaat, malam Sabtu, cuti umum, serta aktif antara jam 2.00 pagi hingga 5.00 pagi. Menurut PDRM, tindakan tegas telah diambil dengan membawa kes-kes ke mahkamah untuk pendakwaan.</p> <p>Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Pihak JPJ menyatakan bahawa mereka banyak mengambil pendekatan advokasi dan pencegahan melalui pendidikan, termasuk program di sekolah dan IPT. Namun, mereka akui sukar memastikan kumpulan sasaran mereka benar-benar melibatkan pelaku lumba haram.</p> <p>PWDC (Penang Women's Development Corporation) Mencadangkan supaya pendekatan reverse psychology dipertimbangkan iaitu mengawal waktu dan lokasi aktiviti lumba, dan memaklumkan kepada masyarakat agar dapat dielakkan, berbanding melarang sepenuhnya. Pegawai Daerah menyatakan bahawa cadangan</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			ini perlu dikaji lebih lanjut dari sudut risiko dan kesan sosial.
		Terdapat penyalahgunaan dadah dalam bentuk perasa ("flavor") dan cendawan khayal ("mushroom"), yang menyebabkan pengguna hilang kesedaran atau mengalami sawan.	<p>Polis Diraja Malaysia (PDRM)</p> <p>Isu dadah dan bahan khayal seperti <i>mushroom</i> dan ketum membimbangkan. Jualan bahan ini dilaporkan berlaku berhampiran sekolah, malah ada pelajar seawal tingkatan 3 terlibat. Bahan ini menyebabkan simptom seperti sawan dan kehilangan kesedaran</p>
		Penyalahgunaan ketum yang telah dinormalisasikan.	<p>Polis Diraja Malaysia (PDRM)</p> <p>Bagi kes berkaitan penyalahgunaan dadah, dalam tempoh Januari hingga Mac, pihak polis telah membuka:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 50 kes bekalan dadah, melibatkan 70 tangkapan, • 134 kes permintaan dadah, melibatkan 203 tangkapan, dan • 266 tangkapan bagi kes urin positif, yang didakwa di bawah Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952. <p>Kawasan-kawasan hotspot bagi tangkapan berkaitan dadah adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayan Baru: 29 tangkapan • Bayan Lepas: 66 tangkapan

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Capaian ketum yang mudah diakses menggalakkan penggunaan ketum berleluasa</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Balik Pulau: 60 tangkapan • Batu Maung: 44 tangkapan • Queen's Bay: 4 tangkapan • Teluk Kumbar: 26 tangkapan <p>Polis Diraja Malaysia (PDRM)</p> <p>PDRM memaklumkan bahawa penggunaan dan pengedaran ketum berlaku secara berleluasa khususnya dalam kalangan belia Melayu. Terdapat satu kes dimana PDRM telah menyerbu sebuah rumah sewa di Bayan Baru yang digunakan sebagai tempat memasak dan membungkus air ketum. Ketum diperolehi dari negeri Kedah dan dijual dalam bentuk bungkusan. Menurut anggaran, dalam satu minggu, hasil jualan 300 bungkusan ketum boleh menghasilkan keuntungan mencecah RM6,000, menjadikannya satu aktiviti yang menguntungkan walaupun menyalahi undang-undang.</p> <p>Pihak PDRM menyatakan bahawa pengedaran ketum adalah kesalahan di bawah Akta Racun 1952, manakala penggunaan peribadi masih berada dalam kawasan kelabu dari segi penguatkuasaan. Dalam banyak kes, penggunaan</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Sindiket penipuan digital semakin rancak dan menyasarkan penduduk tempatan, termasuk golongan dewasa serta warga emas. Modus operandi utama ialah <i>love scam</i> dan pautan SMS palsu yang memancing data perbankan. Sebagai contohnya terdapat satu kes, mangsa kehilangan RM7,000 selepas mengklik pautan haram.</p>	<p>ketum oleh nelayan, petani atau pekerja kilang dikatakan untuk tujuan tenaga kerja atau kesihatan, dan PDRM mengambil pendekatan “give and take” memandangkan kekangan ruang lokap dan kadar keterlibatan yang tinggi.</p> <p>Polis Diraja Malaysia (PDRM)</p> <p>PDRM juga melaporkan bahawa sebanyak 49 kes penipuan dalam talian (scammer) telah direkodkan pada bulan Januari, diikuti 39 kes pada Februari, dan 12 kes pada bulan Mac. Kesemua ini melibatkan penipuan menggunakan platform seperti Instagram, Facebook dan pautan (link) palsu.</p> <p>Dalam operasi berkaitan, PDRM telah membuat:</p> <ul style="list-style-type: none"> • 24 operasi dan 23 tangkapan pada Januari • 12 operasi dan 12 tangkapan pada Februari • 11 operasi dan 11 tangkapan pada Mac. <p>Kesemua tangkapan tersebut berkaitan dengan pemilik akaun bank (mule/bil account) yang dipercayai menyewakan akaun mereka kepada sindiket. Tindakan undang-undang telah diambil terhadap mereka. Pihak polis juga menyatakan</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			terdapat trend peningkatan dalam aktiviti penyewaan akaun bank kepada sindiket penipuan, yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat termasuk warga emas dan golongan belia.
4.	Keciciran sekolah	Kadar keciciran sekolah yang tinggi di mana ramai berhenti sekolah sebelum mencapai umur 17 tahun.	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
5.	Cabaran pengurusan sisa pepejal dalam kalangan warga tua dan kawasan padat	<p>Kurangnya amalan pengasingan sisa pepejal dan aktiviti pembakaran terbuka dalam kalangan warga tua di Balik Pulau</p> <p>Kekurangan kapasiti tong sampah di kawasan padat penduduk seperti flat dan pangsapuri di Bayan Lepas</p>	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog Bersama Komuniti Petani Tarikh: 23 Februari 2025 Bilangan peserta: 17 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam dua kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Pejabat Pertanian Daerah
1.	Infrastruktur kebun durian belum memadai	Para pengusaha durian menegaskan bahawa akses jalan dan bekalan elektrik merupakan keperluan paling asas untuk menggerakkan operasi dusun durian secara efisien. Ketiadaan jalan yang baik menghalang generasi muda daripada terlibat dalam pertanian, manakala bekalan elektrik yang tidak mencukupi (hanya single phase) menghadkan penggunaan pam air.	* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir
2.	Kos operasi tinggi	Penggunaan pam berasaskan diesel menaikkan kos	Pejabat Pertanian Daerah Bagi menangani kenaikan kos diesel, pihak jabatan memperkenalkan Program BUDI MADANI, iaitu satu bantuan khas kepada pengusaha pertanian. Melalui program ini, setiap pengusaha layak menerima bantuan tunai sebanyak RM200 sebulan, yang bertujuan untuk mengurangkan beban kos operasi terutamanya bagi pengusaha kebun durian.
		Subsidi diesel RM200 dianggap tidak memadai untuk menampung kos sebenar operasi	
		Pengusaha durian menyatakan bahawa kerja kebun sangat bergantung pada pekerja asing, namun pelaksanaan gaji minimum sekitar RM1,800 sukar	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		ditampung apabila hasil tidak menentu, manakala pekerja asing menolak upah rendah (bawah RM1,700).	
3.	Struktur pasaran tidak memihak pengusaha	Harga durian ditentukan orang tengah. Kesannya, apabila bekalan tinggi, harga terus jatuh.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
4.	Risiko Akta Benih	Kebimbangan terhadap cadangan akta berkaitan permit benih akan menjejaskan ekosistem durian tempatan dengan lebih 100 varieti kerana peraturan baharu berpotensi memupuskan kepelbagaian varieti.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
5.	Kemerosotan populariti durian Balik Pulau	<p>Pada masa ini, jenama durian “Balik Pulau” kian tenggelam berbanding Bentong kerana ketiadaan dasar promosi yang konsisten di peringkat Persekutuan, termasuk keperluan melihat kembali dasar berkaitan pelancongan.</p> <p>Sebagai langkah segera, pengusaha mencadangkan penjenamaan yang lebih jelas dan terlihat misalnya papan tanda “Balik Pulau” di lapangan terbang</p>	<p>Pejabat Pertanian Daerah</p> <p>Jabatan Pertanian memaklumkan bahawa bagi menangani isu kemerosotan populariti durian Balik Pulau, pihak jabatan telah mendaftarkan dan mematenkan jenama “Durian Balik Pulau” di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Ini bertujuan untuk memperkukuh jenama dan nilai tambah kepada hasil pertanian tempatan.</p> <p>Oleh kerana Jabatan Pertanian tidak mempunyai peruntukan besar untuk tujuan promosi, mereka memohon agar Kementerian Pelancongan turut terlibat membantu dari aspek promosi. Tumpuan kini lebih diberikan kepada usaha mengeksport</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			durian Balik Pulau ke luar negara. Beberapa pengusaha durian telahpun memulakan pengeksporan, dengan syarat utama adalah memiliki sijil MyGAP (Malaysian Good Agricultural Practices) yang merupakan keperluan asas untuk eksport.
6.	Akses maklumat dan laluan mendapatkan bantuan atau sokongan kerajaan adalah terhad dan tidak jelas.	<p>Pengusaha keliru tentang geran/garis panduan dan memerlukan "pathway"/one-stop info dan sokongan menghubungkan agensi berkaitan.</p> <p>Mereka turut menyatakan ketiadaan SOP penanaman dan bergantung kepada perkongsian maklumat antara pengusaha durian sahaja.</p> <p>Pengusaha yang pernah mendapat pensijilan MYGAP tidak tahu prosedur sambungan/renewal, serta tiada maklumat susulan atau bimbingan daripada pihak berkaitan tentang cara memperbaharunya.</p> <p>Pengusaha berminat dengan bantuan agro-pelancongan tetapi tiada panduan jelas untuk permohonan.</p>	<p>* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i></p> <p>Pejabat Pertanian Daerah</p> <p>Dalam usaha memperkukuhkan sektor agropelancongan, Jabatan Pertanian menyediakan Geran Agropelancongan bernilai sehingga RM120,000 untuk satu projek. Geran ini disasarkan kepada projek-projek di kawasan dusun durian bagi menyokong pembangunan tarikan pelancongan berasaskan pertanian.</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Pejabat Pertanian Daerah</p> <p>Maklumat berkaitan bantuan dan program Jabatan Pertanian disalurkan melalui beberapa saluran:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Laman web rasmi Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang • Koperasi Penanam Durian Pulau Pinang • Persatuan Buah-buahan Pulau Pinang • Kelompok pertanian tempatan • Empat orang pegawai lapangan khusus ditugaskan di kawasan Balik Pulau bagi menjalankan hebahan terus kepada pengusaha durian
		Kebun durian sudah mempunyai elektrik dan mula mengguna pakai IoT, namun kekurangan modal mengekang skala. Pengusaha menyatakan keperluan latihan berfokus seperti kualiti buah, standard eksport, serta menumpukan bakat belia.	<p>Pejabat Pertanian Daerah</p> <p>Penggunaan teknologi pertanian moden seperti Internet of Things (IoT) dan drone masih berada di peringkat awal. Beberapa kebun dusun durian sedang dalam proses percubaan untuk mengadaptasi teknologi ini, namun belum meluas.</p>
7.	Rantaian benih yang lemah menjejaskan hasil dan daya saing	<p>Kualiti benih yang dibekalkan dinilai rendah dengan padi angin terlalu banyak sehingga menurunkan produktiviti.</p> <p>Para petani menyatakan lonjakan harga benih padi yang ketara daripada sekitar RM31 (dua tahun lalu) kepada RM45 (tahun lalu) dan kini RM58. Namun, kenaikan kos</p>	<p>Pejabat Pertanian Daerah</p> <p>Isu kekurangan benih tidak berlaku ketika ini. Namun, terdapat aduan berhubung harga benih yang tinggi, yang mungkin menyebabkan kekeliruan di kalangan pesawah. Harga benih</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	sektor padi setempat	<p>ini tidak seiring dengan mutu, kerana kualiti benih dilihat kurang.</p> <p>Ketidakjelasan saluran subsidi sama ada ia disalurkan secara langsung kepada pengilang benih atau terus kepada petani.</p> <p>Bekalan benih lewat kerana pembekal di Kedah terkesan banjir.</p>	boleh berbeza-beza bergantung kepada jenis dan kawasan.
8.	Perparitan dan sistem saluran tidak lancar	<p>Petani menegaskan bahawa sumber air bukan isu utama, sebaliknya sistem perparitan yang bermasalah.</p> <p>Aliran air keluar-masuk melalui palung air sepatutnya lancar, namun halangan di laluan parit termasuk kes tuan tanah generasi baharu enggan membenarkan air melintas di kawasannya menyukarkan kerja pembersihan oleh JPS. Apabila parit tidak boleh dicuci, air tidak dapat keluar, sawah bertakung terlalu lama, dan benih yang ditabur menemui kegagalan.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
9.	Pengambilan, penjualan tanah dan tanah terbiar serta impak pada sawah sekitar	Petani menyatakan wujudnya lot sawah yang dibeli pemilik baharu termasuk syarikat dan individu. Namun dibiarkan terbiar hingga menjadi semak, lalu bertukar menjadi habitat makhluk perosak seperti tikus yang menular ke petak jiran dan menjejaskan hasil. Isu ini dilaporkan ketara di Kg Sungai Rusa dan Sungai Pinang dan sekitar tanah individu merentas beberapa fasa (1, 2, 3).	<p>Pejabat Pertanian Daerah</p> <p>Terdapat kawasan tanah pertanian terbiar seperti di Kampung Sungai Rusa dan Kampung Sungai Pinang. Jarak kawasan ini dianggarkan sekitar 5 kilometer daripada kawasan sawah aktif seperti Sungai Burung. Walaupun ada kebimbangan serangan serangga dari tanah terbiar, pihak</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>jabatan menyatakan pemantauan rutin dilakukan.</p> <p>Usaha turut dijalankan untuk memadankan pemilik tanah dengan individu yang mencari tanah untuk diusahakan, namun kadangkala tidak berjaya atas sebab enggan menyewa atau isu lain. Jika terdapat gangguan, petani disaran membuat aduan rasmi kepada pihak berkuasa tempatan</p> <p>Jabatan Pertanian melaksanakan pemantauan mingguan oleh pasukan khas dari Kelompok Limau terhadap kawasan tanaman padi di Balik Pulau yang meliputi 295 hektar. Sebarang penyakit atau serangan perosak akan segera dimaklumkan kepada petani.</p> <p>Selain itu, terdapat kemudahan Takaful Tanaman Padi di bawah Agro Bank yang membolehkan pesawah memohon perlindungan sekiranya berlaku serangan perosak atau penyakit yang mengakibatkan kerugian.</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Petani menegaskan bahawa masalah utama bukan benih atau padi “tak menjadi”, tetapi tekanan perosak yang berterusan dan sukar untuk dihapuskan.	
10.	Ancaman penyakit dan peningkatan kos kawalan	Serangan bena perang dan penyakit virus dianggap sebagai musuh paling sukar dikawal Kesannya, petani terpaksa mengguna racun berganda, sekali gus menaikkan kos operasi.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
11.	Harga lantai padi tidak memadai dan ketidakselarasan musim menuai	Para petani menyatakan bahawa walaupun kerajaan menetapkan harga lantai RM1,500/tan, kebanyakan petani masih menjual pada RM1,300/tan kerana telah menuai sebelum 16 Februari 2025 (pengumuman harga baharu). Petani mencadangkan harga lantai dinaikkan kepada RM2,000–RM2,200/tan bagi menampung kenaikan kos operasi masa hadapan.	Pejabat Pertanian Daerah Harga lantai padi yang sebelum ini ditetapkan pada RM1,300 setan telah dinaikkan kepada RM1,500 setan mulai 16 Februari. Namun begitu, isu harga padi yang rendah dan tidak stabil masih dianggap sebagai isu dasar peringkat nasional.
12.	Kemerosotan kesuburan tanah menjejaskan hasil padi	Petani perlu menambah baja tambahan untuk meningkatkan kesuburan tanah ber-PH rendah. Amalan pengapuran tanah telah lama tidak dilakukan (4–5 tahun) akibat kekangan peruntukan, menyebabkan tanah menjadi masam dan hasil merosot.	Pejabat Pertanian Daerah Pada Februari 2021, kerja-kerja pengapuran telah dilaksanakan di seluruh kawasan penanaman padi seluas 295 hektar. Jabatan Pertanian mencadangkan agar proses pengapuran kali kedua dilakukan pada penghujung tahun depan, semasa musim kemarau tahun 2026.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
13.	Peningkatan kos input dan operasi pertanian	<p>Kos input pertanian seperti racun, baja dan bahan kimia meningkat mendadak dan tidak terkawal, menyebabkan sesetengah petani terpaksa menanggung hutang.</p> <p>Kenaikan diesel menaikkan kos pembajakan, penuaian dan penggunaan mesin.</p> <p>Keberkesanan baja menurun. Kesannya kini hanya bertahan sekitar seminggu berbanding 15 hari dahulu, memaksa petani membeli lebih banyak baja.</p> <p>Kos tambahan pula boleh mencecah RM250 per beg apabila mengambil kira operasi.</p>	<p>Pejabat Pertanian Daerah</p> <p>Isu ini merupakan isu nasional yang turut menjejaskan petani di Balik Pulau. Seperti dinyatakan sebelum ini, Program BUDI MADANI juga terbuka kepada pesawah bagi mengurangkan beban kos berkaitan diesel.</p>

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog Bersama Komuniti Usahawan Tarikh: 23 Februari 2025 Bilangan peserta: 26 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam dua kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. Penang Halal International (PHI) 2. YB Ahli Parlimen
1.	Volatiliti kos input dan peningkatan kos operasi perniagaan	<p>Peningkatan harga barang menjadi isu utama dalam kalangan usahawan.</p> <p>Usahawan berdepan tekanan kos yang tinggi akibat kenaikan mendadak harga bahan mentah utama seperti serbuk coklat, santan dan bahan asas lain. Malahan, kenaikan bahan mentah ini berlaku hampir setiap minggu.</p> <p>Usahawan juga tidak mampu meletakkan harga yang memadai terhadap jualan mereka kerana kuasa beli yang lemah. Apabila harga dinaikkan, jualan merosot. Akibatnya, peniaga terpaksa kekalkan harga rendah, memotong komisen sendiri, dan kerap tukar tanda harga, keuntungan menipis dan aliran tunai tertekan.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
2.	Kesukaran pengusaha tempatan dalam pensijilan halal	<p>Usahawan menghadapi kesukaran mendapatkan sijil halal kerana prosedur yang ketat.</p> <p>Permohonan logo halal sukar diperoleh kerana banyak syarat dan ketidakpatuhan spesifikasi premis/dapur yang dikesan semasa pemeriksaan.</p>	Penang Halal International (PHI) Agensi memaklumkan bahawa mereka berperanan sebagai agensi sokongan kepada usahawan, khususnya di Pulau Pinang, bagi membantu proses permohonan pensijilan halal. Selain itu, PHI turut menyediakan latihan dan khidmat rundingan (konsultansi) berkaitan kefahaman dan keperluan mematuhi garis panduan halal.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Pada tahun sebelumnya (2023), PHI telah melaksanakan program kesedaran halal di antara enam hingga lapan daerah di seluruh Pulau Pinang. Hasilnya, berlaku peningkatan yang ketara dalam penyertaan usahawan bumiputera. Sebelum ini, hanya 18–20% daripada usahawan bumiputera di Pulau Pinang memohon sijil halal. Kini, kadar permohonan telah meningkat kepada 38%, menunjukkan keberkesanan pendekatan latihan dan advokasi oleh PHI.</p> <p>Sasaran terkini PHI adalah untuk mencapai pariti 50:50 antara usahawan Muslim dan bukan Muslim yang memohon sijil halal.</p>
		<p>Kebanyakan usahawan tempatan tidak mempunyai sijil halal kerana proses mendapatkannya sukar dan penuh cabaran.</p>	<p>Penang Halal International (PHI) Bertentangan dengan kebimbangan sesetengah pihak, PHI menjelaskan bahawa saiz atau spesifikasi kedai bukan halangan untuk mendapatkan sijil halal. Yang penting ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Premis dijaga dalam keadaan bersih dan tersusun. • Pengendalian peralatan dan bahan mentah dilakukan mengikut garis panduan halal dan keselamatan makanan.
		<p>Status premis menemui kegagalan apabila hasil pemeriksaan tidak memenuhi keperluan infrastruktur dan spesifikasi pembinaan/pelesenan di bawah peraturan MESTI dinilai sangat ketat.</p>	

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Kesan ketiadaan sijil halal terhadap permintaan pengguna dan ketiadaan sijil menghalang kemasukan produk ke pasar raya.	<p>Penang Halal International (PHI)</p> <p>PHI turut menjelaskan bahawa masih ramai usahawan Muslim beranggapan bahawa produk mereka secara automatik dianggap halal kerana mereka beragama Islam. Salah faham ini menyukarkan usaha pensijilan formal dan menyumbang kepada tahap pematuhan yang rendah.</p> <p>Sebagai penyelesaian, PHI kini aktif mendekati gerai-gerai kecil dan penjaja jalanan, termasuk mereka yang menyediakan makanan di lokasi, untuk memohon pensijilan halal sekiranya mereka memenuhi syarat – kecuali bagi pengusaha dari rumah, yang tidak layak.</p>
3.	Kekurangan tenaga kerja tempatan dan perubahan trend pekerjaan menyukarkan operasi usahawan	<p>Usahawan berdepan dengan kekurangan tenaga kerja kerana persaingan dengan kilang yang menawarkan gaji lebih tinggi.</p> <p>Tenaga kerja tempatan sukar diperoleh dan menyebabkan usahawan terpaksa mengupah pekerja luar. Hal ini demikian kerana, orang tempatan mahukan gaji yang tinggi dan tawaran gaji sehari RM80 dianggap tidak mencukupi.</p> <p>Belia cenderung memilih perniagaan dalam talian (<i>influencer/affiliate</i>) yang dilihat “easy money” tanpa</p>	<p>* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i></p> <p>* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i></p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		modal, sewa atau produksi, maka ramai beralih ke kerja online	
4.	Penyertaan acara menjadi beban kewangan dan tekanan pasaran kepada usahawan kecil	<p>Penyertaan dalam acara atau “event” menimbulkan beban kewangan kepada usahawan kecil.</p> <p>Kekerapan <i>event</i> yang berlebihan setiap hujung minggu mencetuskan ‘kejutan pasaran’</p> <p>Akses dan inklusiviti yang mempengaruhi peluang penyertaan.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
5.	Kriteria bantuan yang tidak inklusif dan penilaian tidak relevan menyebabkan usahawan mikro tersisih daripada akses sokongan	Had umur dalam skim bantuan/geran keusahawanan menyebabkan usahawan berusia (40–60+ tahun) tersisih daripada akses sokongan, walaupun mereka masih aktif dan bersemangat berniaga.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
		Bantuan memang disediakan, namun agihannya tidak meliputi semua golongan dan lebih banyak diberikan kepada usahawan baharu.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
		Kerangka kelayakan bantuan yang fokus semata-mata kepada B40 mewujudkan “jurang kelayakan”	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
		Usahawan beroperasi dari rumah (<i>home-based</i>) sering ditolak permohonan geran kerana tidak memiliki premis perniagaan berdaftar.	<p>Penang Halal International (PHI)</p> <p>Sejak PHI berada di bawah pentadbiran Timbalan Ketua Menteri 1 (TKM1), pendekatan lebih tertumpu kepada usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Bumiputera. Dalam usaha menggalakkan lebih ramai usahawan mendapatkan sijil halal, PHI, dengan sokongan Unit Penyelarasan Pelaksanaan ICU JPM,</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			memperkenalkan mekanisme bayaran balik (<i>reimbursement</i>).
		Penilaian bantuan berasaskan “rupa bentuk kemampuan rumah” (astro, kereta, keadaan kediaman) menyebabkan permohonan usahawan mikro, terutamanya yang beroperasi dari rumah ditolak walaupun mereka benar-benar memerlukan sokongan.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
6.	Akses premis perniagaan dan kos sewa tidak mampu milik	<p>Usahawan memerlukan premis sewa rendah, namun mendapatkan premis mengambil masa lama (hingga 2 tahun) dan kadar sewa di Balik Pulau mahal sehingga usahawan kecil terpaksa menanggung sebahagian besar pendapatan untuk membayar sewa.</p> <p>Premis sewa rendah di bawah agensi seperti PERDA dan KPTM sangat terhad serta sukar diakses oleh usahawan. Malah, terdapat unit yang tidak beroperasi tetapi masih disewa, dan tiada tindakan diambil oleh pihak agensi terhadap situasi tersebut.</p>	<p>YB Ahli Parlimen</p> <p>Terdapat tapak penjaja sementara disediakan oleh Pejabat Daerah dan MBPP. Tambahan, pemilihan penjaja adalah melalui proses temuduga yang dijalankan oleh Jabatan Pelesenan MBPP, yang turut menilai aspek kesihatan dan kebersihan. Penjaja yang layak akan diberikan tapak yang sah dan diselia, yang mana akan memudahkan mereka untuk kemudiannya memohon pensijilan halal secara rasmi</p>
7.	Kelemahan publisiti dan kekurangan literasi digital menyekat pertumbuhan pasaran PKS	<p>Pemasaran di bawah agensi dinilai lemah dan tidak jelas hala tuju. Sebagai contohnya event/ekspo dilihat kurang publisiti.</p> <p>Usahawan mengakui pemasaran dalam talian adalah penting. Namun, ramai usahawan masih kekurangan ilmu dan memerlukan latihan menyeluruh dari asas hingga pelaksanaan.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 6

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog Bersama Komuniti Pelancongan Tarikh: 23 Februari 2025 Bilangan peserta: 18 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam satu kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. Plan Malaysia Pulau Pinang; 2. Penang Women's Development Corporation (PWDC)
1.	Promosi tidak terancang dan kekurangan infrastruktur informasi membantutkan potensi ekopelancongan Balik Pulau	<p>Potensi Balik Pulau sebagai destinasi ekopelancongan yang unik dan bernilai tinggi belum dimanfaatkan sepenuhnya akibat ketiadaan promosi berskala besar. Kekurangan papan tanda utama di lokasi strategik serta bahan penerangan menyebabkan kawasan ini kurang dikenali oleh pelancong luar, walaupun memiliki daya tarikan semula jadi.</p> <p>Terdapat keperluan strategi promosi yang terancang dan berterusan, bukan sekadar projek bersifat ad hoc.</p> <p>Pengusaha tempatan terpaksa menanggung kos sendiri bagi tujuan pemasaran</p>	<p>Plan Malaysia Pulau Pinang</p> <p>Memaklumkan bahawa Balik Pulau telah dikenal pasti dalam kajian Dasar Perbandaran Negara Ketiga oleh Plan Malaysia Persekutuan, yang meletakkan kawasan ini sebagai tumpuan pembangunan dalam tempoh 10 bulan akan datang.</p> <p>Selain itu, kajian Rancangan Tempatan Penang South Island 2050 sedang dijalankan bersama Perbadanan Infrastruktur Pulau Pinang (PIC). Kajian ini merangkumi pelan tindakan secara berfasa yang boleh dirujuk bagi isu berkaitan perumahan dan pembangunan di Balik Pulau.</p>
2.	Ketidakseimbangan dalam strategi perancangan pelancongan di Pulau Pinang	Perancangan pelancongan sedia ada lebih tertumpu kepada kawasan bandar seperti Georgetown, menyebabkan kawasan lain seperti Balik Pulau terpinggir dan kurang diberi ruang dalam strategi promosi pelancongan negeri.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Fragmentasi antara agensi menghalang hasil bersepadu untuk komuniti	Walaupun terdapat pelbagai agensi terlibat dalam inisiatif pelancongan, hasil kerjasama tersebut belum diterjemahkan kepada impak nyata. Komuniti mengharapkan penyelesaian bersepadu dan hasil yang konkrit, bukan sekadar perancangan tanpa pelaksanaan.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
4.	Pelesenan tidak mesra pengusaha (proses rumit, kos tinggi dan kekurangan latihan/subsidi) menyebabkan pengusaha beroperasi tanpa lesen.	Ramai pengusaha pelancongan tempatan masih beroperasi tanpa lesen sah disebabkan proses kelulusan yang rumit. Hanya Karuna Hill sahaja beroperasi secara sah.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
		Kos permohonan lesen daripada pihak berkuasa tempatan dianggap membebankan pengusaha tempatan.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
		Terdapat keperluan latihan dan subsidi untuk pengusaha tempatan seperti negara Taiwan.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
5.	Akses jalan tidak memadai menghambat tarikan pelancongan	Terdapat keperluan penurapan dan pelebaran jalan ke lokasi tarikan pelancongan.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
		Kos penyelenggaraan tapak persendirian tinggi tanpa pulangan.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
6.	Rangkaian mobiliti lemah (balik pulau-teluk bahang)	Perkhidmatan bas awam ke Balik Pulau menghadapi pelbagai kekangan termasuk kekerapan operasi yang tidak menentu, jumlah penumpang yang rendah, serta isu penyelenggaraan laluan. Perkhidmatan yang hanya	Penang Women's Development Corporation (PWDC) PWDC turut mengesahkan dan bersetuju isu kekurangan pengangkutan awam ke kawasan

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	menyekat aliran pelancong	<p>beroperasi semasa musim tertentu seperti musim durian sahaja. Situasi ini menyebabkan pengalaman pelancong terjejas, termasuk insiden menunggu bas dalam tempoh yang lama.</p> <p>Pengusaha setempat menggesa agar laluan Bas 501 diaktifkan semula, sambil menekankan keperluan intervensi kerajaan dalam bentuk subsidi operasi</p> <p>Perkhidmatan e-hailing tidak konsisten dan ketiadaan <i>e-bike</i> di Balik Pulau. Pengusaha tempatan menegaskan keperluan pengangkutan bagi Balik Pulau–Teluk Bahang kerana tanpa penjagaan akses mobiliti, pelancongan akan merosot.</p>	<p>pelancongan seperti dusun durian dan homestay di pedalaman Balik Pulau. Ketiadaan perkhidmatan menyeluruh menyebabkan pelancong sukar mengakses lokasi-lokasi ini, yang memberi kesan kepada komuniti tempatan.</p> <p>Beliau mencadangkan agar Rapid Penang diundang menyertai sekretariat atau FGD akan datang bagi memberikan penjelasan berkenaan perancangan laluan, jadual dan kemungkinan pengembangan perkhidmatan.</p> <p><i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i></p>

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 7

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>FGD 7: Dialog Bersama Komuniti Sukarelawan Wanita (NGO Wanita Prihatin Pulau Pinang)</p> <p>Tarikh: 23 Februari 2025</p> <p>Bilangan peserta: 20 orang</p> <p>Kaedah FGD: Perbincangan dalam tiga kumpulan</p>	<p>Agensi yang memberikan maklum balas:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Zakat Pulau Pinang 2. Pengarah Hospital Balik Pulau: 3. YB Ahli Parlimen 4. Jabatan Pembangunan Wanita(JPW) 5. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) 6. Jabatan Kerja Raya (JKR) 7. Penang Women's Development Corporation (PWDC) 8. Pegawai Daerah 9. Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP)
1.	Sistem kebajikan tidak mesra warga emas dan kerapuhan rangkaian sokongan	<p>Ramai warga emas hidup bersendirian walaupun mempunyai anak, kerana komitmen kewangan dan tanggungjawab keluarga menyebabkan mereka kurang diberi perhatian. Keadaan ini menimbulkan rasa terpinggir dan kesunyian dalam kalangan warga emas.</p> <p>Terdapat warga emas yang terlantar sakit tanpa penjagaan mencukupi, manakala proses mendapatkan bantuan kebajikan pula sering rumit. Status mempunyai anak atau rumah sendiri kerap dijadikan alasan permohonan ditolak, walaupun hakikatnya mereka masih memerlukan sokongan asas seperti rawatan kesihatan.</p> <p>Penempatan warga emas turut berdepan cabaran apabila keperluan mendapatkan persetujuan waris</p>	<p>Zakat Pulau Pinang</p> <p>Zakat turut menerima aduan berkaitan warga emas yang tinggal bersendirian tetapi tidak menerima bantuan berkala. Menurut penjelasan, bantuan bulanan tidak diberikan secara automatik kerana penilaian turut melibatkan keadaan anak-anak atau waris.</p> <p>Jika warga emas tinggal bersama anak, atau diketahui anak masih menyokong dari segi kewangan, maka bantuan mungkin tidak disalurkan secara bulanan, sebaliknya secara</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		menyukarkan proses penghantaran ke rumah jagaan. Dalam sesetengah kes, warga emas sendiri enggan berpindah, memilih untuk kekal di rumah walaupun dalam keadaan tidak terurus.	sekaligus (<i>one-off</i>). Dalam kes lain, warga emas ditawarkan untuk ditempatkan di rumah kebajikan seperti Darul Hanan, namun ramai enggan berpindah, menyebabkan kebajikan mereka sukar dipantau secara berkala.
2.	Pendigitalan dan mobiliti yang tidak inklusif menyekat akses kesihatan warga emas	<p>Peralihan kepada transaksi digital di fasiliti kesihatan menimbulkan kesukaran kepada warga emas yang tidak celik teknologi atau tidak memiliki akaun bank.</p> <p>Kekurangan pengangkutan hospital atau klinik menyukarkan mereka mendapatkan rawatan. Walaupun dihantar oleh anak, mereka sering terpaksa menguruskan diri sendiri semasa berurusan dengan perkhidmatan kesihatan.</p> <p>Proses rawatan pula tidak mengambil kira keperluan khusus warga emas dan perlu menunggu giliran seperti pesakit lain tanpa keutamaan.</p>	<p>* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i></p> <p>Pengarah Hospital Balik Pulau Memaklumkan bahawa unit kecemasan hospital masih kekal beroperasi berdasarkan pengelasan tahap kecemasan, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Zon Merah (<i>red zone</i>) – kes kritikal, dilayan segera • Zon Kuning (<i>yellow zone</i>) – kes separa kritikal, turut dilayan segera • Zon Hijau (<i>green zone</i>) – kes tidak kritikal, menunggu mengikut tempoh yang ditetapkan

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Mengikut Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kementerian Kesihatan, pesakit di zon hijau sepatutnya dilihat dalam tempoh sehingga 90 minit, namun kini telah dilanjutkan kepada maksimum 2 jam.</p> <p>Daripada analisis yang dilakukan, 90% hingga 95% pesakit kecemasan di Hospital Balik Pulau adalah dari zon hijau. Ini menunjukkan bahawa hospital masih beroperasi dengan baik, dan hanya sekitar 5% hingga 10% pesakit yang mungkin perlu menunggu lebih lama. Dengan anggaran 100 hingga 120 pesakit kecemasan sehari, ini bermaksud sekitar 10 hingga 12 pesakit setiap hari yang mungkin dilayan melebihi tempoh KPI.</p> <p>Pengarah hospital turut menerangkan bahawa isu kelewatan sering berlaku pada waktu malam selepas waktu berbuka puasa, apabila pesakit datang secara berkumpulan (3 hingga 7 orang sekaligus), dan menyebabkan pegawai perubatan tidak dapat memberi rawatan segera secara berperingkat.</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Berbeza dengan klinik pakar yang kini menggunakan sistem temujanji berperingkat (staggered appointment) untuk mengelakkan kesesakan, unit kecemasan tidak mempunyai keupayaan untuk mengawal aliran pesakit dengan cara yang sama. Pegawai perubatan meminta kerjasama pesakit agar lebih sabar, kerana mereka sentiasa berusaha memberi rawatan sebaik mungkin.</p> <p>YB Ahli Parlimen</p> <p>Memaklumkan bahawa Skim Perubatan MADANI telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk mengurangkan kesesakan di hospital kerajaan, khususnya bagi kes bukan kritikal.</p> <p>Melalui skim ini, pesakit boleh mendapatkan rawatan di klinik swasta berdaftar di bawah skim, tanpa perlu hadir ke hospital. Jumlah manfaat yang diberikan ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM250 setahun untuk satu keluarga • RM125 setahun untuk warga emas • RM152 setahun untuk individu bujang

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
3.	Kurangnya penyertaan wanita dalam kepemimpinan	Kepimpinan komuniti masih didominasi lelaki walaupun ramai wanita terlibat aktif dalam pelbagai inisiatif. Malahan, sumbangan wanita dalam sektor keusahawanan dan sosial sering diabaikan.	<p>Jabatan Pembangunan Wanita(JPW)</p> <p>JPW mencadangkan agar inisiatif melahirkan lebih ramai pemimpin wanita diteruskan melalui kerjasama dengan PWDC (Penang Women's Development Corporation), yang sebelum ini telah melaksanakan program di bawah Sidang Wanita. Program ini merupakan platform penting untuk melatih wanita dalam bidang kepimpinan dan pengurusan komuniti.</p>
4.	Ketiadaan pusat sehenti kerajaan melemahkan perlindungan dan pemerkasaan wanita	Kemudahan perlindungan khusus bagi wanita teraniaya masih terhad, memaksa mereka mencari pilihan swasta yang mahal. Terdapat keperluan kepada satu pusat sokongan kerajaan yang bukan sahaja melindungi tetapi juga membantu membangunkan potensi wanita, termasuk ibu tunggal dan wanita yang ditinggalkan.	<p>Jabatan Pembangunan Wanita(JPW)</p> <p>JPW mengesahkan bahawa tiada rumah perlindungan milik kerajaan yang disediakan khusus untuk kes keganasan rumah tangga di Pulau Pinang. Namun, beberapa organisasi swasta seperti Women's Centre for Change (WCC) dan Tenaganita pernah menjalankan perkhidmatan ini.</p> <p>Walaubagaimanapun, Tenaganita telah menghentikan operasi, dan kes-kes keganasan domestik perlu terlebih dahulu dibuat laporan polis sebelum tindakan selanjutnya diambil.</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>JPW menjelaskan bahawa antara cabaran utama ialah pengadu tidak konsisten dalam membuat laporan – mereka bersetuju membuat laporan semasa insiden berlaku tetapi kemudian menarik semula laporan setelah berdamai, yang menyukarkan proses perlindungan dan bantuan.</p> <p>Selain itu, di bawah Yayasan Kebajikan Negara (YKN), terdapat kemudahan Anjung Singgah, namun hanya satu atau dua kuota sahaja diperuntukkan bagi kes keganasan rumah tangga.</p>
5.	Kesukaran ibu tunggal dalam mendapatkan bantuan kewangan	Bantuan tidak diterima oleh sebahagian pemohon walaupun mereka benar-benar memerlukan dan termasuk dalam kategori asnaf. Malahan, punca penolakan tidak dimaklumkan.	<p>Zakat Pulau Pinang</p> <p>Menurut pihak Zakat Pulau Pinang, ibu tunggal tidak disekat daripada memohon bantuan, malah mereka biasanya tidak menghadapi masalah besar selagi memenuhi syarat asas tanggungan dan kewangan. Selain ibu tunggal, ketua isi rumah yang digantikan oleh wanita, seperti isteri kepada suami yang sedang menjalani hukuman penjara atau berada di pusat pemulihan, juga layak memohon bantuan zakat. Namun, jika ibu tunggal tersebut mempunyai pendapatan melebihi had kifayah, maka permohonannya</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			tidak akan diluluskan. Sekiranya jumlah tanggungan ramai dan pendapatan rendah, bantuan lazimnya akan diberikan.
6.	Pembangunan ekonomi ibu tunggal terhadap	NGO setempat mahu sokongan yang lebih mampan bukan sekadar dana agihan dengan cadangan diberi modal untuk jalankan projek penjanaan pendapatan agar hasilnya boleh menyalur manfaat terus kepada asnaf serta mewujudkan kerja sukarela berbayar. Namun, peranan NGO terhadap oleh pelbagai halangan, dana yang kecil, dan kebergantungan pada sumbangan sendiri atau YB.	<p>Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)</p> <p>JPW memaklumkan bahawa terdapat Bantuan Khas Perbendaharaan yang disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, berjumlah RM2 juta, untuk menyokong program pembangunan wanita oleh NGO. Dana ini boleh digunakan untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kelas kemahiran • Program penjanaan pendapatan • Aktiviti komuniti wanita <p>NGO perlu menyediakan kertas cadangan projek yang akan dinilai dan disahkan oleh pihak JPW. Dana ini turut menyasarkan NGO yang berdaftar dan aktif dalam pembangunan wanita.</p> <p>JPW memaklumkan bahawa hebahan dibuat melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Laman Facebook rasmi JPW • Taklimat kepada NGO berdaftar • Hebahan terus kepada NGO tempatan

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Namun, penglibatan NGO di Pulau Pinang masih rendah, termasuk dalam permohonan Geran Perantis. Antara sebab yang dikenalpasti ialah keaktifan NGO menurun selepas pandemik COVID-19 (PKP).</p> <p>Penang Women's Development Corporation (PWDC)</p> <p>PWDC memaklumkan bahawa pihaknya akan bekerjasama dengan NGO dan agensi berkaitan untuk memperkukuh pembangunan usahawan wanita, termasuk memberi perhatian terhadap inisiatif yang boleh membantu bangkit semula pasca pandemik.</p> <p>PWDC turut mencadangkan supaya NGO wanita memohon Geran Bantuan Khas Perbendaharaan di bawah Kementerian Pembangunan Wanita yang menyediakan peruntukan sebanyak RM2 juta. Geran ini disasarkan bagi program berkaitan penjanaan pendapatan wanita, dan permohonan akan dinilai oleh kementerian.</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Terdapat cadangan agar disalurkan dana untuk membuka program yang membolehkan ibu tunggal menjana pendapatan dari rumah. Sokongan kerajaan diminta bagi menyediakan kursus kemahiran untuk ibu tunggal dan asnaf. Selain itu, dicadangkan peluang berniaga melalui penyediaan atau keutamaan menggunakan warung milik kerajaan bagi membantu mereka memulakan perniagaan tanpa beban sewa awal.</p>	<p>Jabatan Pembangunan Wanita(JPW) Agensi memaklumkan bahawa terdapat pusat latihan wanita di bawah mereka yang dikenali sebagai Laman Wanita, dan satu-satunya pusat di Pulau Pinang terletak di Jalan Anson, George Town. Di sini, peserta wanita boleh menyertai pelbagai kursus seperti bakeri, jahitan, dan kemahiran lain.</p> <p>JPW membuka ruang untuk berbincang lebih lanjut bagi merancang kursus khas bersesuaian dengan keperluan komuniti wanita di kawasan terlibat. JPW juga menyarankan agar agensi seperti KEMAS turut dilibatkan bagi memperluas liputan program latihan.</p>
7.	Kekurangan sistem sokongan kepada kanak-kanak istimewa	<p>Kanak-kanak OKU berkerusi roda tidak menerima bantuan JKM atau Zakat. Permohonan JKM ditolak kerana syarat memerlukan kanak-kanak OKU mesti bersekolah sedangkan sekolah jauh menyebabkan beliau tidak hadir. Usaha susulan dengan pegawai tetap tidak berhasil, manakala permohonan Zakat turut ditolak atas alasan bantuan berfokus kepada "anak-anak asnaf", sekali gus mengecualikan kes OKU ini.</p>	<p>Zakat Pulau Pinang Wakil Zakat menjelaskan bahawa permohonan untuk bantuan seperti kerusi roda bagi golongan OKU sebenarnya tidak mempunyai halangan besar dari sudut agensi. Namun begitu, setiap permohonan dinilai berdasarkan prinsip had kifayah, iaitu sama ada keluarga pemohon tergolong dalam golongan asnaf atau tidak.</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>Pihak Zakat tidak meletakkan sebarang syarat berkaitan umur atau status pendidikan (tidak bersekolah) sebagai penghalang. Oleh itu, jika keluarga OKU tersebut tergolong dalam kumpulan yang tidak melebihi had kifayah, bantuan sepatutnya boleh disalurkan.</p>
8.	Perumahan tidak mampu milik	Kos perumahan tinggi menyukarkan akses kepada rumah mampu milik di Bayan Lepas. Kadar sewa minimum pula sekitar RM500 dan kini lazimnya RM600–RM700 ke atas walaupun untuk unit flat.	<p>Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP)</p> <p>Harga rumah kos rendah di Balik Pulau bermula serendah RM42,000 (seperti di projek K-Park), kini dijenamakan sebagai Rumah MutiaraKu.</p> <p>Tabung penyelenggaraan disediakan bagi membantu JMB/MC menyelenggara fasiliti flat (contoh: tangki air, lif) sehingga 80% kos kerja ditanggung oleh kerajaan negeri.</p> <p>Bagi isu sewaan tinggi dan permintaan terhadap rumah sewa mampu milik, satu cadangan telah dikemukakan kepada KPKT untuk membina projek PPR di Daerah Barat Daya.</p>
9.	Banjir kilat dan infrastruktur	Terdapat masalah banjir kilat yang kerap berlaku akibat hujan lebat dan fenomena air pasang di beberapa kawasan termasuklah Kampung Nelayan, Taman Kumbang Permai dan Kampung Masjid	<p>Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)</p> <p>Wakil JPS memaklumkan bahawa projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Teluk Kumbang</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	perparitan belum memadai	<p>Sistem perparitan yang tidak lancar di Mutiara Perdana, Bayan Lepas, memerlukan penyelenggaraan longkang dan pembangunan seimbang.</p>	<p>telah dilaksanakan dan setakat ini tiada lagi kejadian banjir dilaporkan di kawasan tersebut.</p> <p>Namun, terdapat kekeliruan berkaitan lokasi Kampung Nelayan yang disebut dalam isu nombor 58. JPS menjelaskan bahawa:</p> <p>Sekiranya dimaksudkan Kampung Nelayan di Teluk Kumbar, maka tiada isu banjir dilaporkan. Tetapi sekiranya yang dimaksudkan ialah Taman Nelayan di Sungai Pinang, maka banjir akibat air pasang masih berlaku di kawasan tersebut.</p> <p>Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) JPS menjelaskan bahawa isu sistem perparitan di kawasan perumahan Bayan Lepas adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).</p> <p>Pegawai Daerah Turut mengesahkan bahawa kawasan perumahan di Daerah Barat Daya secara amnya adalah di bawah seliaan JKR, namun sistem perparitan dan penyelenggaraan harian (seperti</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>pembersihan dan pembaikan kecil) adalah tugas MBPP.</p> <p>Jabatan Kerja Raya (JKR) JKR pula menyatakan bahawa kawasan yang sering terkesan banjir kilat termasuk Bayan Lepas dan Queensbay.</p> <p>Kawasan ini merupakan kawasan pembangunan lama dan terletak di zon rendah, menjadikannya lebih mudah terdedah kepada banjir kilat.</p> <p>Berkenaan kejadian banjir kilat di kawasan Mutiara Perdana, Bayan Lepas, wakil JKR mengesahkan bahawa:</p> <ul style="list-style-type: none"> • JKR tidak pernah menerima aduan rasmi berkenaan Mutiara Perdana. • Kawasan tersebut terletak di Jalan Federal, dan sebarang kerja pembaikan akan dilaksanakan oleh konsesi yang dilantik. • JKR hanya bertanggungjawab ke atas struktur rosak, manakala kerja penyelenggaraan longkang harian (termasuk pembersihan dan pembuangan sampah) diuruskan oleh MBPP.

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
10.	Gejala sosial yang mengganggu ketenteraman dan keselamatan masyarakat	Di kawasan Taman Nelayan, Balik Pulau, kanak-kanak seawal umur 6 tahun hingga remaja sering bermain basikal lajak pada waktu malam di lokasi yang kurang pencahayaan, menimbulkan risiko keselamatan.	YB Ahli Parlimen Menegaskan bahawa walaupun lumba haram adalah isu serius, basikal lajak adalah lebih berbahaya, kerana risiko kemalangan yang tinggi. Beliau menyatakan usaha sedang dilakukan untuk membawa pengusaha litar sah seperti litar go-kart atau litar lumba bermotor ke kawasan tersebut sebagai alternatif aktiviti belia.
		Gejala rempit melibatkan remaja, malah seawal sekitar 12 tahun turut berlaku di Teluk Kumbar, Bayan Lepas (Kampung Bukit, Kampung Seronok), serta Taman Nelayan Sungai Pinang. Penunggang kerap tidak memakai helmet, menakutkan pengguna jalan raya hingga terpaksa menunggu mereka melepasi selekoh. Kegiatan ini juga menyebabkan gangguan bunyi kuat pada waktu malam.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
		Kecurian motosikal dan logam terutama besi longkang kerap berlaku. Kes disebut khusus di Mutiara Perdana serta meluas ke kawasan seperti Teluk Bahang dan Sungai Batu.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatkan Isu-isu FGD 8

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog Bersama Komuniti Warga Emas (PAWE Balik Pulau) Tarikh: 24 Februari 2025 Bilangan peserta: 8 orang Kaedah FGD: Perbincangan dalam dua kumpulan			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. Pengarah Hospital Balik Pulau 2. YB Ahli Parlimen 3. Penang Women's Development Corporation (PWDC)
1.	Kekangan pengangkutan menjejaskan penyertaan warga emas	Ramai warga emas menghadapi kesukaran untuk menyertai aktiviti komuniti kerana masalah pengangkutan. Kekurangan kenderaan sendiri serta kos tinggi perkhidmatan e-hailing menjadi penghalang utama, menyebabkan hanya mereka yang berkemampuan hadir ke program.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
2.	Kehilangan ruang aktiviti (Dewan PAWE) akibat disewa pihak swasta	<p>Dewan sedia ada telah diambil alih dan disewakan untuk majlis perkahwinan (Lia Butik), menyebabkan warga emas terpaksa berkongsi ruang atau mencari tapak Baharu.</p> <p>Tapak baharu 50×80 telah dicadang dan permohonan peruntukan dihantar ke Kementerian Luar Bandar; masih menunggu.</p> <p>Terdapat kebimbangan kehilangan tempat (bergantung budi bicara pemilik/YB), namun tiada arahan rasmi mengusir PAWE.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
3.	Warga emas terdedah kepada penipuan kewangan	Warga emas di Balik Pulau terdedah dengan risiko penipuan yang memanipulasi panggilan telefon dan pautan mesej, termasuk jemputan palsu serta penyamaran sebagai pihak telco. Kekurangan literasi digital menyebabkan mereka mudah mengikut arahan	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	berasaskan telefon, pautan digital dan fizikal	yang kelihatan rasmi seperti menekan pautan hingga membawa kepada kehilangan wang yang besar. Tambahan rasa malu atau enggan berkongsi dengan anak/ahli keluarga pula menghalang mereka mendapatkan nasihat awal, menjadikan kerugian hanya disedari selepas transaksi berlaku	
		Penipuan tidak hanya berlaku melalui panggilan atau mesej telefon sahaja. Malahan terdapat taktik berasaskan pemerhatian fizikal di premis kewangan. Sebagai contohnya, terdapat dua kes dimana <i>scammer</i> mengekori warga emas hingga ke rumah.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
4.	Kesunyian dan kekurangan interaksi sosial dalam kalangan warga emas	Warga emas tinggal bersendirian dan mengalami kemurungan, lalu menjadikan PAWE satu-satunya tempat bersosial. Terdapat keperluan mempunyai aktiviti interaksi sosial.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
		Situasi kemurungan bagi warga emas tinggal bersendirian, sunyi, lalu "mendengar bisikan" seolah-olah ada orang berbual padahal mereka keseorangan.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
5.	Perkhidmatan awam yang kurang memuaskan	Kekerapan bas yang rendah menyukarkan mobiliti harian iaitu hanya sejam sekali. Perkhidmatan Unit Kecemasan Hospital Balik Pulau perlahan, dengan pesakit menunggu lebih dari satu jam untuk rawatan. Peserta menegaskan temu janji terjadual di klinik pesakit luar (OPD) biasanya lancar. Namun, masalah sebenar tertumpu pada Unit Kecemasan.	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i> Pengarah Hospital Balik Pulau Memaklumkan bahawa unit kecemasan hospital masih kekal beroperasi berdasarkan pengelasan tahap kecemasan, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> • Zon Merah (<i>red zone</i>) – kes kritikal, dilayan segera

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<ul style="list-style-type: none"> • Zon Kuning (<i>yellow zone</i>) – kes separa kritikal, turut dilayan segera • Zon Hijau (<i>green zone</i>) – kes tidak kritikal, menunggu mengikut tempoh yang ditetapkan <p>Mengikut Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Kementerian Kesihatan, pesakit di zon hijau sepatutnya dilihat dalam tempoh sehingga 90 minit, namun kini telah dilanjutkan kepada maksimum 2 jam.</p> <p>Daripada analisis yang dilakukan, 90% hingga 95% pesakit kecemasan di Hospital Balik Pulau adalah dari zon hijau. Ini menunjukkan bahawa hospital masih beroperasi dengan baik, dan hanya sekitar 5% hingga 10% pesakit yang mungkin perlu menunggu lebih lama. Dengan anggaran 100 hingga 120 pesakit kecemasan sehari, ini bermaksud sekitar 10 hingga 12 pesakit setiap hari yang mungkin dilayan melebihi tempoh KPI.</p> <p>Pengarah hospital turut menerangkan bahawa isu kelewatan sering berlaku pada waktu malam</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>selepas waktu berbuka puasa, apabila pesakit datang secara berkumpulan (3 hingga 7 orang sekaligus), dan menyebabkan pegawai perubatan tidak dapat memberi rawatan segera secara berperingkat.</p> <p>Berbeza dengan klinik pakar yang kini menggunakan sistem temujanji berperingkat (staggered appointment) untuk mengelakkan kesesakan, unit kecemasan tidak mempunyai keupayaan untuk mengawal aliran pesakit dengan cara yang sama. Pegawai perubatan meminta kerjasama pesakit agar lebih sabar, kerana mereka sentiasa berusaha memberi rawatan sebaik mungkin.</p> <p>YB Ahli Parlimen Memaklumkan bahawa Skim Perubatan MADANI telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk mengurangkan kesesakan di hospital kerajaan, khususnya bagi kes bukan kritikal.</p> <p>Melalui skim ini, pesakit boleh mendapatkan rawatan di klinik swasta berdaftar di bawah skim,</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Warga emas enggan membuat aduan kerana bimbang akan menerima layanan buruk.</p>	<p>tanpa perlu hadir ke hospital. Jumlah manfaat yang diberikan ialah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM250 setahun untuk satu keluarga • RM125 setahun untuk warga emas • RM152 setahun untuk individu bujang <p>Pengarah Hospital Balik Pulau</p> <p>Tiada sebarang tindakan balas atau diskriminasi akan dikenakan terhadap mana-mana pengadu. Pihak hospital mengamalkan sistem aduan terbuka melalui platform SISPA, dan beliau sendiri mengamalkan dasar pintu terbuka di mana pesakit boleh hadir dan menyampaikan aduan secara terus.</p> <p>Beliau turut menegaskan bahawa butiran pengadu tidak akan didedahkan kepada mana-mana pegawai perubatan yang terlibat dalam aduan tersebut. Selain itu, semua petugas kesihatan tertakluk kepada etika perkhidmatan dan sumpah profesion, di mana setiap pesakit akan dilayan secara adil tanpa mengira bangsa, agama atau latar belakang.</p>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
6.	Kekangan pendigitalan (<i>digitalization</i>) dan warga emas	<p>Peralihan kepada pembayaran tanpa tunai (QR/kad) menimbulkan halangan praktikal kepada warga emas yang kurang mahir IT. Bagi urusan kecil seperti bayaran RM1 di hospital sekalipun, ketiadaan kad atau ketidakfahaman penggunaan QR menyebabkan urusan tertangguh dan memerlukan bantuan orang lain.</p> <p>Penerima bantuan e-Kasih tidak menyedari tentang penerimaan bantuan bulanan kerana kekangan teknologi (telefon lama tanpa WhatsApp) dan saluran komunikasi yang tidak sesuai. Komunikasi lebih sesuai seperti melalui surat dicadangkan agar makluman sampai dengan pasti.</p> <p>Terdapat keperluan untuk memberi bimbingan atau latihan supaya warga emas lebih faham dan selesa menggunakan sistem digital ini.</p>	<p>Penang Women's Development Corporation (PWDC)</p> <p>Menyatakan bahawa isu pendigitalan bukan hanya terhad kepada warga emas, tetapi turut melibatkan petani, nelayan, dan usahawan luar bandar. Walaupun maklumat sudah tersedia di platform seperti Facebook dan laman web rasmi, golongan ini tidak dapat mengakses atau tidak tahu bagaimana hendak menggunakannya secara berkesan.</p> <p>Beliau mencadangkan agar Digital Penang iaitu anak syarikat Kerajaan Negeri dapat digerakkan ke kawasan Balik Pulau untuk menyediakan program latihan digital dan peningkatan kemahiran kepada golongan yang kurang celik digital.</p>

Jadual 12. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu Temubual

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Temubual : Dialog Bersama Komuniti OKU (Pusat Harian Harapan Bakti) Tarikh: 24 Februari 2025 Bilangan peserta: 3 orang Kaedah FGD: Temubual mendalam			Agensi yang memberikan maklum balas: Tiada
1.	Diskriminasi pasaran kerja dan pendidikan tidak inklusif menyekat potensi golongan OKU	<p>Golongan OKU berdepan cabaran untuk memasuki pasaran kerja, di mana hanya sebilangan kecil sahaja diterima oleh majikan. Kekangan dari segi keupayaan fizikal, tahap produktiviti dan persepsi bahawa mereka sukar dilatih menjadi antara faktor utama peluang pekerjaan yang sangat terbatas.</p> <p>Pendekatan pengajaran kepada pelajar OKU masih belum sesuai, dengan sesetengah tenaga pengajar kurang keyakinan dan kesabaran dan kaedah pengajaran yang kurang bersesuaian.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>
2.	Peruntukan JKM tidak mencukupi dan fasiliti latihan belum memadai	<p>Peruntukan daripada JKM hanya mencukupi untuk membayar sebahagian kecil kos operasi seperti gaji asas kakitangan, manakala keperluan lain seperti aktiviti dan kemudahan tambahan terpaksa ditanggung sendiri oleh pusat. Kekurangan ini menyebabkan pihak pengurusan perlu mencari alternatif dana luar, walaupun keupayaan dan akses kepada sumber awam masih terhad.</p> <p>Fasiliti latihan yang tersedia masih tidak mencukupi untuk menyokong aktiviti kemahiran pelajar OKU.</p>	* <i>Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

BIL	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Sebagai contoh, kekurangan peralatan asas seperti mesin pemotong kain	
3.	Sistem permohonan dalam talian JKM tidak stabil	Proses permohonan geran tahunan melalui sistem dalam talian JKM tidak efisien kerana sering mengalami gangguan teknikal. Keadaan ini menyukarkan urusan pentadbiran dan memaksa pihak pengurusan membuat lawatan berulang ke pejabat JKM bagi memastikan permohonan berjaya.	<i>* Tiada maklum balas khusus daripada agensi berkaitan/Agensi berkaitan tidak hadir</i>

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Keterbatasan Pembangunan Ekonomi Setempat

Pada asasnya, Parlimen Balik Pulau merupakan salah satu kawasan Parlimen di Negeri Pulau Pinang dengan struktur ekonomi tersendiri. Namun dari sudut geografi, Balik Pulau ialah kawasan luar bandar yang relatif terpinggir daripada arus pembangunan pesat di Daerah Timur Laut Pulau Pinang. Sehubungan itu, pembangunan ekonominya masih terhad dengan kebolehcapaian peluang tertumpu pada sektor perkhidmatan, pertanian dan agro-pelancongan yang masih di peringkat pengembangan. Akibatnya, beberapa keterbatasan ekonomi turut dirasai terutama dari segi pendapatan, peluang pekerjaan dan akses pasaran yang lebih dirasai oleh golongan rentan seperti wanita/ibu tunggal, warga emas, OKU, petani, nelayan kecil serta usahawan mikro.

- **Peningkatan kos sara hidup**

Peningkatan kos sara hidup memberi kesan yang menyeluruh kepada pelbagai lapisan masyarakat tempatan, terutamanya golongan yang bergantung kepada sektor asas seperti penternak, nelayan, petani dan usahawan kecil. Dalam kalangan penternak, kenaikan mendadak harga makanan ternakan, diesel dan logistik menyebabkan kos operasi meningkat secara ketara, manakala harga jualan daging yang rendah tidak mampu menampung perbelanjaan tersebut. Nelayan pula terjejas akibat kos peralatan dan penyelenggaraan yang meningkat dua hingga tiga kali ganda, sedangkan harga jualan hasil tangkapan kekal statik seperti dua dekad lalu. Hal ini menyebabkan ramai dalam kalangan mereka terus berhutang dan tidak mampu membeli peralatan baharu.

Petani turut berhadapan dengan lonjakan harga input seperti baja, racun dan benih yang tidak terkawal, sementara keberkesannya menurun sehingga memerlukan penggunaan yang lebih kerap. Keadaan ini menjejaskan pendapatan dan daya saing sektor pertanian, malah ada yang terpaksa menanggung hutang bagi meneruskan penanaman. Dalam masa yang sama, usahawan kecil berdepan tekanan kos bahan mentah yang meningkat hampir setiap minggu, tetapi tidak dapat menaikkan harga jualan kerana kuasa beli pengguna yang lemah. Akibatnya, keuntungan menipis, aliran tunai terganggu dan operasi perniagaan menjadi semakin tidak mampan.

Keseluruhannya, peningkatan kos sara hidup bukan sahaja menjejaskan kelangsungan ekonomi golongan pengusaha dan pekerja dalam sektor tradisional, tetapi turut melemahkan daya tahan komuniti Balik Pulau secara keseluruhan.

- **Peluang pekerjaan terhad**

Peluang pekerjaan yang terhad di Balik Pulau menjadi antara cabaran utama yang menjejaskan kesejahteraan sosial dan ekonomi penduduk, khususnya dalam kalangan belia. Struktur ekonomi tempatan yang masih bergantung kepada sektor tradisional seperti pertanian, perniagaan kecil-kecilan dan perikanan menyebabkan ruang pekerjaan yang ditawarkan sangat terhad dan tidak pelbagai. Kebanyakan belia terpaksa berhijrah ke kawasan lain seperti Bayan Lepas untuk bekerja di kilang kerana kekurangan peluang kerja profesional atau pejabat di kawasan sendiri. Keadaan ini diburukkan lagi oleh struktur upah yang rendah dan tiada laluan perkembangan kerjaya yang jelas, menyebabkan ramai graduan berkecukupan hanya bekerja sebagai operator kilang dengan gaji minimum yang tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup. Persaingan dengan pekerja asing yang sanggup menerima upah lebih rendah turut menjejaskan peluang pekerjaan bagi warga tempatan. Akibatnya, ramai belia beralih kepada pekerjaan tidak formal atau ekonomi gig seperti perniagaan dalam talian yang dilihat lebih mudah dan tidak memerlukan modal besar. Namun, fenomena ini juga membawa risiko jangka panjang dari segi kestabilan pendapatan dan keselamatan sosial.

- **Ketiadaan bantuan khusus untuk ibu tunggal**

Di Balik Pulau, sokongan sedia ada belum memadai dan tidak cukup terarah kepada keperluan khusus ibu tunggal. Dalam sesi FGD, peserta menyatakan bahawa walaupun pelbagai bentuk bantuan kerajaan disediakan, kebanyakannya bersifat umum dan tidak mengambil kira keperluan khas ibu tunggal seperti bantuan penjagaan anak, latihan kemahiran atau sokongan perniagaan kecil. Akibatnya, ramai dalam kalangan mereka tercicir daripada akses kepada program pembangunan ekonomi dan sosial, sekali gus kekal terperangkap dalam kitaran kemiskinan.

Jadual 13. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peningkatan kos sara hidup 2. Peluang pekerjaan yang terhad 3. Ketiadaan bantuan khusus untuk ibu tunggal
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mewujudkan Program Daya Tahan Kos Hidup Balik Pulau 2. Membuka peluang pekerjaan/pendapatan melalui peningkatan kemahiran TVET ringan dan kemahiran digital untuk pekerjaan setempat dan kerja jarak jauh.

	3. Menyediakan bantuan khusus dan bersepadu kepada ibu tunggal agar berdaya ekonomi dan stabil dari segi sosial.
Kumpulan Terjejas	Wanita, Ibu Tunggal, Petani, Belia
Kawasan	Pulau Betong, Teluk Bahang
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 4 - Memastikan pendidikan berkualiti, menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua	Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan
SDG 5 - Mencapai kesaksamaan gender dan memperkasa semua golongan wanita	Sasaran 5.5: Memastikan penyertaan penuh wanita secara berkesan, serta peluang sama rata untuk memimpin pada semua peringkat membuat keputusan politik, ekonomi dan kehidupan awam
SDG 8 - Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan mampan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua	Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Rantaian Sokongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang terhad

Secara amnya, komuniti Orang Kurang Upaya (OKU) sering berhadapan dengan pelbagai masalah dan kekangan dalam kehidupan seharian. Permasalahan ini turut tidak asing di Parlimen Balik Pulau. Terdapat beberapa organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang berusaha memastikan kelangsungan dan kemandirian komuniti OKU. Namun begitu, isu pembangunan ekonomi dan sosial komuniti ini masih berlarutan.

- **Batasan akses pengangkutan dan prasarana mesra OKU ke sekolah**

Pengangkutan dan prasarana mesra OKU merupakan prasyarat asas kepada penyertaan pendidikan yang inklusif serta indikator keterlibatan OKU dalam komuniti. Hal ini demikian kerana kekurangan kemudahan mobiliti akan terus menghadkan pergerakan pelajar berkeperluan khas dan menambah beban

penjaga. Dalam konteks Balik Pulau, sebahagian murid OKU berdepan ketiadaan pengangkutan khusus seperti perkhidmatan pintu ke pintu ("*door-to-door*") atau van mesra OKU. Kekangan ini menyebabkan kebanyakan murid OKU ini terpinggir daripada sistem pendidikan formal. Kesan daripada jurang akses ini akan berpanjangan, termasuklah peluang peralihan ke latihan dan pekerjaan, dan risiko pengulangan kitaran kerentanan sosioekonomi pada masa hadapan.

- **Halangan peralihan pendidikan kepada pekerjaan**

Peralihan daripada alam persekolahan kepada pekerjaan didapati sangat mencabar bagi pelajar OKU di Balik Pulau. Kadar penempatan kerja adalah rendah susulan penapisan majikan dan persepsi terhadap keupayaan, sehingga hanya sebilangan kecil graduan OKU yang diterima bekerja walaupun jumlah calon adalah jauh lebih besar. Kekurangan keyakinan dan kompetensi pedagogi dalam pengajaran pendidikan khas turut mengurangkan kesiapsiagaan kerja pelajar OKU.

- **Dana operasi daripada JKM tidak mencukupi**

Menerusi sesi dialog antara agensi bagi pemetaan isu di Parlimen Balik Pulau, agensi kerajaan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) didapati sangat menyokong usaha memperkasakan OKU. Namun begitu peruntukan hanya menfokuskan operasi sahaja dan dana yang diterima hanyalah sekitar separuh daripada keperluan sebenar dan kebiasaannya hanya menampung emolumen, manakala kos aktiviti pemulihan serta pemerkasaan tidak termasuk. Tambahan Skim Sukarelawan JKM yang menghadkan imbuhan kepada RM900 sebulan juga tidak sepadan dengan kelayakan dan beban tugas pentadbiran sahaja. Sebagai contohnya, Pusat Harian Bakti Balik Pulau terpaksa menampung kekurangan menggunakan sumber dalaman. Kekangan ini secara langsung menghadkan kapasiti program berfokus OKU di Balik Pulau.

- **Keupayaan NGO mengumpul dana awam terhad**

Kelestarian sesuatu projek atau program sangat bergantung pada kesinambungan dana. Hakikatnya, rata-rata NGO termasuklah Pusat Harian Bakti berdepan kekangan pembiayaan dan keupayaan yang terhad untuk mengumpul dana awam. Akibatnya, banyak inisiatif berkaitan OKU terpaksa dilaksanakan pada skala kecil atau ditangguhkan apabila sumber tidak mencukupi. Kekangan ini turut menghadkan keanjalan program untuk bertindak balas terhadap keperluan komuniti yang sentiasa berubah. Natiujahnya, komuniti OKU kekal pada tahap yang sama dan terus ketinggalan dalam usaha memperkasa kemandirian diri.

Jadual 14. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Akses pengangkutan dan prasarana mesra OKU ke sekolah 2. Halangan peralihan pendidikan kepada pekerjaan 3. Dana operasi JKM tidak mencukupi 4. Keupayaan NGO mengumpul dana awam terhad
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mewujudkan program berbentuk latihan bimbingan kerjaya atau kemahiran sedia kerja. 2. Menyediakan Skim Pengukuhan Operasi Perkhidmatan OKU 3. Mewujudkan program penjana ekonomi
Kumpulan Terjejas	Orang Kurang Upaya (OKU)
Kawasan	Pusat Harian Bakti, Balik Pulau
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 1 - Menamatkan semua jenis kemiskinan di seluruh dunia	Sasaran 1.4: Menjelang 2030, memastikan semua lelaki dan wanita, terutamanya golongan miskin dan berisiko, mempunyai hak yang sama rata terhadap sumber ekonomi, dan juga akses kepada perkhidmatan asas, pemilikan dan kawalan terhadap tanah dan bentuk harta lain, pewarisan, sumber asli, teknologi baharu yang sesuai dan perkhidmatan kewangan, termasuk mikrokeuangan
SDG 4 - Memastikan pendidikan berkualiti, menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua	Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan
SDG 8 - Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan mampan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua	Sasaran 8.5: Menjelang 2030, mencapai guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua wanita dan lelaki, termasuk belia dan orang kurang upaya, serta bayaran Sama rata untuk kerja dengan nilai yang sama

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Kekangan Pendigitalan dan teknologi

Di Balik Pulau, kelompok utama yang terkesan dalam konteks pendigitalan dan teknologi ini merangkumi warga emas, usahawan mikro (terutama dalam pertanian, makanan desa dan agro-pelancongan), pelajar serta ibu bapa B40. Apabila lebih banyak urusan kerajaan, perbankan dan perniagaan beralih ke platform digital sejak pasca pandemik, kekangan akses peranti, dan kemahiran rendah menyebabkan sebahagian komuniti ketinggalan. Akibatnya, peluang ekonomi, akses bantuan serta keselamatan transaksi menjadi isu yang semakin mendesak.

- **Literasi digital dan kemahiran teknologi di tahap rendah**

Tahap literasi digital dan kemahiran teknologi yang rendah bagi sebahagian komuniti terutamanya warga emas di Balik Pulau menjejaskan akses kepada bantuan dan perkhidmatan. Sebagai contohnya, terdapat kes penerima e-Kasih yang tidak menyedari bantuan bulanan diterima kerana menggunakan telefon lama tanpa WhatsApp. Maka, maklumat dan bantuan sewajarnya gagal disalurkan kepada golongan sasaran yang mempunyai kelemahan dalam literasi digital dan kemahiran teknologi. Justeru, situasi ini menunjukkan saluran komunikasi digital sedia ada tidak inklusif dan wajar dilengkapkan dengan kaedah alternatif seperti surat. Pihak berkaitan juga menegaskan keperluan bimbingan atau latihan agar warga emas dan kumpulan rentan lebih faham dan selesa menggunakan sistem digital.

- **Ketidaksediaan Pelaksanaan Penggunaan Kemudahan Digital Menyeluruh Kepada warga emas**

Peralihan kepada pembayaran tanpa tunai (QR/kad) menimbulkan kesukaran nyata kepada warga emas di Balik Pulau. Mereka mengakui “buta IT” dan sukar menggunakan kod QR, malah wujud situasi bayaran kecil di fasiliti kesihatan yang hanya menerima kad/kaedah digital sehingga memaksa pihak lain membantu membayar. Keadaan ini memperlihatkan keperluan penyesuaian amalan kaunter dan program literasi kewangan-digital yang praktikal kepada warga emas.

- **Peningkatan Risiko keselamatan siber dan penipuan dalam talian**

Risiko keselamatan siber dan penipuan dalam talian yang melibatkan masyarakat meningkat kerana peralihan pantas perkhidmatan harian termasuk perbankan dan pembelian, dan urusan kerajaan melalui platform digital sedangkan jurang literasi serta keyakinan digital masih ketara dalam kalangan mereka. Kekurangan kemahiran menilai kesahihan pautan, aplikasi dan panggilan palsu menjadikan kumpulan tertentu seperti warga emas lebih mudah tertipu.

Impaknya, warga emas berdepan bukan sahaja kehilangan wang tetapi juga kesan psikologi seperti rasa cemas dan hilang keyakinan untuk menggunakan perkhidmatan digital yang semakin penting dalam kehidupan

Jadual 15. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Literasi dan kemahiran digital rendah 2. Transaksi tanpa tunai meminggirkan warga emas 3. Risiko keselamatan siber dan penipuan dalam talian meningkat
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan kempen dan komunikasi (kesedaran) pendigitalan 2. Mewujudkan program berbentuk latihan dan bimbingan (kemahiran) celik teknologi
Kumpulan Terjejas	Warga emas, masyarakat setempat
Kawasan	Balik Pulau
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 4 - Memastikan pendidikan berkualiti, menyeluruh dan saksama serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua	Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan dengan ketara bilangan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan
SDG 8 - Menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, menyeluruh dan mampan, guna tenaga penuh dan produktif serta pekerjaan yang baik untuk semua	Sasaran 8.10: Memperkukuh keupayaan institusi kewangan dalam negeri untuk menggalakkan dan meluaskan akses kepada perbankan, insurans dan perkhidmatan kewangan untuk semua
SDG 10 - Mengurangkan ketidaksamaan di dalam negara dan dalam kalangan negara	Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasa dan menggalakkan penyertaan semua dalam politik, ekonomi dan sosial tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, kaum, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi atau status lain
SDG 16: Menggalakkan masyarakat yang aman dan	Sasaran 16.4: Menjelang 2030, mengurangkan secara signifikan aliran kewangan dan senjata yang tidak sah,

menyeluruh untuk pembangunan mampan, menyediakan akses kepada keadilan untuk semua dan membina institusi yang berkesan, bertanggungjawab dan menyeluruh pada semua peringkat	mengukuhkan perolehan semula dan pemulangan aset yang dicuri serta menentang semua bentuk jenayah terancang
------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 16. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Essential Digital Skills for Virtual Assistants	Sistem Agroteknologi Bersepadu Untuk Memperkasakan PPDK Teluk Bahang	Wawasan Wanita Masa Kini: Dari Dapur ke Dunia Digital
SDG Berkaitan	SDG 4, 5, 8	SDG 1, 8, 17	SDG 3, 4, 10
Objektif	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ramai wanita mempunyai akses terhadap kepada peluang pekerjaan digital akibat kekurangan kemahiran teknologi asas. 2. Projek ini menangani isu literasi digital yang rendah dengan menyediakan latihan berstruktur dan mesra pemula dalam kemahiran digital asas. 3. Memperkasa individu untuk menceburi kerjaya sebagai pembantu maya, mengambil pekerjaan bebas (freelance), atau menyokong perniagaan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memperkasa komuniti OKU melalui kemahiran pertanian. 2. Meningkatkan produktiviti dan pendapatan PPDK 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memperkasa wanita secara holistik (emosi, rohani, sosial, intelektual, ekonomi) untuk ketahanan diri dan keluarga. 2. Membentuk kemahiran pengurusan emosi, stres dan konflik secara sihat. 3. Mengukuhkan komunikasi empati/asertif dalam keluarga, tempat kerja dan komuniti. 4. Memantapkan peranan wanita sebagai ibu/isteri/anak/anggota masyarakat dengan nilai dan adab. 5. Meningkatkan celik digital dan keupayaan menapis pengaruh media sosial secara berprinsip.

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
	kecil secara digital dari rumah.		6. Memupuk literasi kewangan asas (belanjawan, simpanan, disiplin kewangan) serta keseimbangan kerjaya-keluarga.
Hasil Jangkaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Memperoleh kemahiran digital siap kerja untuk memasuki ekonomi kerja jarak jauh. 2. Menamatkan program dengan pengetahuan digital yang praktikal, sijil, serta panduan untuk memulakan kerja bebas (<i>freelance</i>) atau kerja berasaskan rumah. 3. Program ini membina keupayaan jangka panjang dengan menghubungkan mereka kepada kumpulan bimbingan (<i>mentorship</i>) dan rangkaian sokongan. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Membantu meningkatkan kapasiti hasil tuaian 2. Meningkatkan pendapatan bulanan khususnya dan pengurangan kos pengoperasian 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menghasilkan dan mengamalkan Pelan Pengurusan Emosi peribadi untuk mengurangkan tekanan dan meningkatkan kesejahteraan. 2. Peningkatan kecekapan peranan sebagai ibu, isteri, anak/menantu, termasuk penghasilan skrip komunikasi asertif, kemahiran mengurus konflik, dan hubungan antara generasi yang lebih harmoni. 3. Peserta menetapkan sempadan digital sihat, menyediakan bajet keluarga dan tabung kecemasan, dan melakar pelan keseimbangan masa untuk kerjaya dan tanggungjawab rumah tangga.
Organisasi	Mily Ventures	PPDK Teluk Bahang	Pertubuhan Inspirasi Insaniah Pulau Pinang

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Aktiviti	<ul style="list-style-type: none"> • Modul 1: Gmail untuk Komunikasi Perniagaan • Modul 2: Google Docs untuk Kolaborasi • Modul 3: Google Sheets untuk Pengurusan Data • Modul 4: Google Slides untuk Pembentangan • Modul 5: Google Forms untuk Pendaftaran • Modul 6: Google Photos • Modul 7: Google Drive • Modul 8: Google Calendar • Modul 9: Google Meet • Modul 10: Google Tasks • Sesi Literasi Kewangan: "Smart Duit – Asas Kewangan untuk Freelancer" 	<ul style="list-style-type: none"> • Bengkel teknikal dan persediaan sistem • Penanaman dan penjagaan awal dan rekod/log projek • Pemantauan pertumbuhan dan rawatan serta penuaian awal • Pemasaran asas dan penilaian/penambahbaikan 	<ul style="list-style-type: none"> • Mini Talk / Perkongsian ilmu mingguan mengikut tema • Latihan refleksi bertulis (journaling) dan ruang nota peribadi sebagai tugas mingguan. • Sesi refleksi dipimpin (contoh: "Melepaskan dengan Reda") dan aktiviti refleksi berfokus iman ("Iman Saya, Harapan Saya"). • Latihan praktikal komunikasi (menyusun semula skrip/ayat kepada bentuk empati; aktiviti "Belajar Cakap Dengan Cinta"). • Hands-on modul tematik: Celik Digital; Pengurusan Kewangan (termasuk refleksi & simulasi); Keseimbangan Kerjaya-Keluarga (alat "Roda Seimbang Saya"). • Lembaran kerja/jurnal program dan pembelajaran berasaskan permainan papan
Jumlah (RM)	40,000.00	40,000.00	40,000.00
Lokasi	Pulau Betong	PPDK Teluk Bahang	Teluk Bahang
Tempoh	3 Bulan	3 Bulan	3 Bulan

6.0 RUJUKAN

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan Malaysia (KPKT). (2020). *Laporan banci penduduk dan perumahan Malaysia 2020*. Diakses pada 23 Mac 2025 daripada <https://www.kpkt.gov.my>

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR). (2023). *Statistik pengundi berdaftar Parlimen Balik Pulau 2023*. Diakses pada 23 Mac 2025 daripada <https://www.spr.gov.my>

Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) Malaysia. (n.d.). *Matlamat pembangunan mampan (SDG)*. Diakses pada 23 Mac 2025 daripada <https://www.my.undp.org>

Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Laporan sosioekonomi Negeri Pulau Pinang 2022*. Diakses pada 23 Mac 2025 daripada <https://www.dosm.gov.my>




APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMAPAN



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

 secretariat@appgm-sdg.com

 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

 <https://appgm-sdg.com/>